Prospek dan Dasar

96-105 Prospek Ekonomi Dunia
105-113 Ekonomi Malaysia pada Tahun 2003
113-117 Dasar Monetari pada Tahun 2003
117-118 Dasar Fiskal pada Tahun 2003
119-119 Dasar Sektor Perbankan pada Tahun 2003

Prospek dan Dasar

PROSPEK EKONOMI DUNIA

Perkembangan pada tahun 2002 dan permulaan tahun 2003

Pertumbuhan dunia meningkat dengan sederhana pada kadar 3% pada tahun 2002, manakala pertumbuhan perdagangan dunia berubah positif kepada 2.9% (2001: –0.1%). Prestasi ekonomi dunia adalah lebih rendah daripada jangkaan walaupun pertumbuhan lebih kukuh daripada tahun 2001 (2.3%). Kadar pertumbuhan ekonomi tidak seimbang di sepanjang tahun dan di semua rantau. Pemulihan ekonomi di Amerika Syarikat (AS) adalah lebih rendah daripada jangkaan sebelumnya dan ekonomi Jepun dan kawasan euro terus berkembang dengan lebih perlahan, sementara pertumbuhan di rantau Asia Timur pulih. Pertumbuhan di AS yang lebih rendah daripada jangkaan adalah disebabkan oleh peningkatan pelaburan yang lebih perlahan ketika keadaan kapasiti yang berlebihan dan ketidakpastian mengenai kekukuhan dan kemapanan pemulihan ekonomi, ancaman serangan pengganas, skandal syarikat dan harga saham yang semakin menurun.

Jadual 3.1
Ekonomi Dunia: Petunjuk Ekonomi Utama

	KDNK benar (%)			Harga pengguna (%)		
	2001	2002*a*	2003*r*	2001	2002*a*	2003*r*
Pertumbuhan Dunia	**2.3**	**3.0**	**3.1**	**-**	**-**	**-**
Perdagangan Sedunia	**-0.1**	**2.9**	**3.5~4.5**	**-**	**-**	**-**
Negara-Negara perindustrian utama	**0.7**	**1.6**	**1.8**	**2.2**	**1.5**	**1.9**
Amerika Syarikat	0.3	2.4	2.4	2.8	1.6	2.5
Jepun	0.4	0.3	0.6	-0.7	-0.9	-0.9
Kawasan Euro	1.4	0.8	0.9	2.5	2.2	2.3
United Kingdom[1]	2.0	1.6	1.9	2.1	2.2	2.2
Asia Timur	**4.0**	**6.1**	**5.5~5.7**	**2.1**	**1.0**	**1.6~2.0**
NIE Asia	**0.6**	**4.4**	**4.2~4.5**	**1.6**	**0.6**	**1.4~1.5**
Korea	3.0	6.2	5.5	4.3	2.7	3.4
China Taipei	-2.2	3.5	3.7	0.0	-0.2	0.4
Singapura	-2.1	2.2	2.0 ~ 5.0	1.0	-0.4	0.5 ~ 1.5
Hong Kong China[2]	0.6	2.3	3.0	-1.6	-3.0	-1.5
Republik Rakyat China	**7.3**	**8.0**	**7.0**	**0.7**	**-0.8**	**0.5~1.0**
ASEAN[3]	**1.5**	**4.0**	**3.5~4.6**	**5.3**	**4.6**	**3.9~4.4**
Malaysia	0.4	4.2	4.5	1.4	1.8	1.5
Negeri Thai	1.9	5.2	3.5~4.5	1.6	0.7	0.5~1.5
Indonesia	3.3	3.7	3.5~4.0	11.5	11.9	8.7
Filipina	3.5	4.6	4.2~5.2	6.1	3.1	4.5~5.5

[1] Inflasi merujuk kepada indeks harga runcit, tidak termasuk kadar faedah cagaran.
[2] Inflasi merujuk kepada harga komposit.
[3] Termasuk Singapura.
a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, Datastream, Prospek Ekonomi OECD, Sumber dari pihak berkuasa.

Dasar fiskal dan monetari yang akomodatif yang terancang telah membantu mengekalkan permintaan pengguna, yang merupakan penggerak utama pertumbuhan ekonomi. Pada separuh tahun pertama, pertumbuhan keseluruhan ekonomi negara-negara perindustrian utama telah pulih pada kadar positif (separuh kedua tahun 2001: -0.5%) disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih tinggi di AS, yang mencakupi 42% daripada KDNK negara-negara perindustrian utama. Pada separuh tahun kedua, pertumbuhan yang lebih baik di negara-negara perindustrian utama yang lain telah mengimbangi pertumbuhan yang lebih perlahan di AS.

Di **AS**, ekonomi mengembang sebanyak 3.5% pada separuh tahun pertama sebelum menyederhana kepada 2.5% pada separuh tahun kedua. Aktiviti ekonomi disokong oleh kesan terkumpul pelonggaran dasar monetari dan langkah-langkah cukai pendapatan. Pelaksanaan dasar ini telah merangsang aktiviti pembiayaan semula, permintaan terhadap rumah dan pembelian kereta dan seterusnya mengekalkan penggunaan swasta. Kejatuhan kadar inventori yang lebih perlahan dan perbelanjaan kerajaan yang lebih besar juga menyumbang kepada pertumbuhan KDNK. Walau bagaimanapun, pelaburan tetap keseluruhan dan eksport bersih kekal lemah. Data terkini menunjukkan **KDNK benar** menyederhana dengan ketara daripada 4% kepada 1.4% pada suku terakhir tahun 2002. Penyederhanaan tersebut disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan pengguna yang lebih rendah dan penurunan eksport bersih yang lebih besar, yang lebih daripada mengimbangi peningkatan perbelanjaan kerajaan dan peningkatan dalam perbelanjaan pelaburan.

Di **Jepun**, pertumbuhan didorong terutamanya oleh eksport, sementara keadaan dalam negeri masih lembap di sepanjang tahun. Di **kawasan euro**, pertumbuhan ekonomi menyederhana dengan

ketara disebabkan oleh ekonomi Jerman yang berterusan lemah disebabkan aktiviti ekonomi yang terjejas akibat daripada pengangguran yang meningkat dan kemerosotan pasaran ekuiti, walaupun perbelanjaan kerajaan adalah lebih tinggi.

Meskipun risiko luar telah meningkat, pemulihan **ekonomi serantau** masih menggalakkan, dengan pertumbuhan meningkat kepada 6.1% atau dua kali ganda purata pertumbuhan sedunia. Republik Rakyat China mendahului dengan pertumbuhan 8%, diikuti oleh Korea 6.2%, manakala Singapura dan China Taipei pulih untuk mencatat pertumbuhan positif. Secara keseluruhannya, pertumbuhan ekonomi serantau adalah menyeluruh, disokong oleh permintaan dalam dan luar negeri. Eksport di rantau ini pulih, terutamanya bagi sektor elektronik. Pada masa yang sama, harga dunia meningkat semula bagi komoditi bukan minyak tertentu seperti keluaran getah, kelapa sawit, kayu siap digergaji, beras dan barangan kelapa yang telah meningkatkan hasil eksport dengan ketara. Permintaan dalam negeri di ekonomi serantau juga dikekalkan pada kadar yang tinggi, disokong oleh kadar faedah yang rendah dan rangsangan operasi fiskal yang mengembang. Yang penting sekali adalah pertumbuhan perdagangan serantau yang semakin pesat mengembang pada tahun 2002, didorong oleh permintaan dalam negeri terutamanya dari Republik Rakyat China dan Korea.

Walaupun ketidaktentuan semakin memuncak, pertumbuhan global pada tahun 2003 dijangka kekal positif.

Prospek pada tahun 2003

Prospek pertumbuhan ekonomi dunia terus terjejas oleh ketidaktentuan geopolitik dan ekonomi serta kesan negatif kenaikan harga minyak terhadap penggunaan dan pelaburan sektor swasta. Walau bagaimanapun, pertumbuhan kekal positif, disokong oleh asas ekonomi. Walaupun pertumbuhan dijangka kekal positif, tahap pertumbuhan akan bergantung terutamanya kepada kesan lanjutan daripada ketegangan geopolitik di Timur Tengah dan impaknya kepada pengguna dan perniagaan di negara-negara perindustrian utama. Kesan negatif yang serta-merta adalah kenaikan harga minyak sejak suku kedua tahun 2002 kepada harga tertinggi dalam tempoh 12 bulan sebanyak AS$34.99 setong pada 7 Mac 2003.

Memandangkan ketidaktentuan yang semakin meningkat, pertumbuhan ekonomi global dijangka kekal sederhana pada tahun 2003. Pertumbuhan akan disokong oleh pengembangan yang sederhana di AS dan ekonomi rantau Asia manakala prospek pertumbuhan di Jepun dan kawasan euro kekal lembap. Dengan itu, **pertumbuhan dunia** dijangka meningkat dengan sederhana sebanyak 3.1% (2002: 3%) sementara **pertumbuhan perdagangan dunia** dijangka berkembang sebanyak 3.5–4.5% pada tahun 2003. Pertumbuhan di **negara-negara perindustrian utama sebagai satu kumpulan** dijangka meningkat 1.8% (2002: 1.6%).

Aktiviti di AS dijangka disokong oleh dasar monetari akomodatif yang berterusan, rangsangan fiskal yang mengembang, produktiviti yang meningkat, inflasi yang rendah, kesan pengumpulan semula inventori dan peningkatan dalam kitaran sektor elektronik. Pertumbuhan di kawasan euro akan meningkat sedikit disebabkan oleh peningkatan pengumpulan inventori dan kesan lat daripada pelonggaran dasar monetari. Di Jepun, pertumbuhan terus terjejas oleh masalah struktur dalam negeri yang berlanjutan. Ini termasuklah deflasi harga dan permintaan pengguna yang lemah, kapasiti berlebihan dan kelemahan sektor kewangan. Di United Kingdom (UK), pertumbuhan dijangka disokong oleh perbelanjaan kerajaan dan pengguna swasta yang disokong oleh kesan kekayaan dari pasaran hartanah.

Sementara itu, bagi ekonomi rantau Asia, pertumbuhan ekonomi dijangka disokong oleh dasar yang fleksibel, asas ekonomi yang lebih kukuh, pertumbuhan penggunaan dalam negeri yang berterusan, rangsangan fiskal, peningkatan eksport dan pengukuhan perdagangan serantau.

Negara-negara Perindustrian Utama

Walaupun ketidaktentuan ekonomi dan geopolitik masih membimbangkan, pertumbuhan di **AS** dijangka masih positif. Prestasi pada separuh tahun 2003 dijangka sederhana sebelum bertambah baik pada separuh tahun kedua. Bagi keseluruhan tahun 2003, pertumbuhan ekonomi di AS dijangka sederhana pada 2.4% dengan perbelanjaan kerajaan yang lebih tinggi menjadi pendorong utama pertumbuhan ekonomi, terutamanya pada separuh tahun pertama 2003. Walau bagaimanapun, perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang lebih tinggi ini akan diimbangi sebahagiannya oleh perbelanjaan kerajaan negeri dan tempatan yang lebih rendah. Arah aliran asas yang positif ini masih terdedah kepada risiko perkembangan geopolitik.

Graf 3.1
Negara-negara Perindustrian Utama: Pertumbuhan KDNK Benar (2002-2003)



Permintaan pengguna, yang dahulunya disokong oleh suasana kadar faedah yang rendah dan aktiviti pembiayaan semula yang pesat dalam sektor perumahan, dijangka menjadi lebih perlahan pada tahun 2003. Pembiayaan semula dan aktiviti pembiayaan baru dijangka perlahan berikutan kadar faedah menjadi stabil sejajar dengan peningkatan harga rumah yang lebih perlahan. Pada masa yang sama, sektor isi rumah dijangka mengurangkan pengumpulan hutang berikutan kerugian nilai ekuiti yang menyebabkan penurunan dana kekayaan (-4% pada akhir tahun 2002) ketika kebimbangan tentang kehilangan pekerjaan meningkat. Namun demikian, penyelesaian hutang tersebut dijangka berlaku dengan beransur-ansur seperti yang dicerminkan dalam peningkatan perlahan kadar simpanan isi rumah daripada 2.3% pada tahun 2001 kepada 3.9% pada tahun 2002 berbanding dengan purata 7.7% di masa lampau.

Meskipun terdapat penyelarasan dalam perbelanjaan isi rumah, pengguna dijangka tidak merundum memandangkan ketiadaan risiko yang boleh menjejaskan sektor perumahan (kenaikan harga rumah secara puratanya adalah antara enam hingga lapan peratus pada tahun 2001–2002). Sektor isi rumah dijangka mendapat manfaat daripada pertumbuhan pendapatan benar ketika pertumbuhan produktiviti terus berkembang. Sektor isi rumah juga dijangka mendapat faedah daripada rangsangan cukai tambahan yang sedang dipertimbangkan. Sementara itu, kadar faedah yang rendah akan terus mengekalkan kestabilan beban bayaran khidmat hutang dalam julat 13.5–14% daripada pendapatan boleh guna.

Walaupun masih terdapat kapasiti berlebihan di sesetengah sektor ekonomi, peningkatan dalam perbelanjaan peralatan dan perisian, yang mencakupi 53% daripada jumlah pelaburan tetap, diramal akan menyokong kenaikan beransur-ansur dalam pelaburan, terutamanya dalam separuh tahun kedua 2003. Perbelanjaan ini adalah terutamanya untuk aktiviti penggantian dan menaik taraf peralatan IT ekoran keadaan harga yang lebih rendah bagi perkakas berkaitan teknologi. Walau bagaimanapun, pengumpulan inventori dijangka menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi pada kadar yang lebih rendah.

Prestasi ekonomi **kawasan euro** dijangka sederhana, dengan pertumbuhan KDNK benar berkembang dengan sederhana sebanyak 0.9% pada tahun 2003. Walau bagaimanapun, pelonggaran dasar monetari akan menyokong pertumbuhan memandangkan kadar faedah benar kini berada pada paras terendah dalam tempoh dua dekad. Di samping itu, pengurangan inventori yang ketara pada tahun 2001–2002 (berjumlah hampir 3.8% daripada KDNK) dijangka menjadi stabil dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Di Jerman, pertumbuhan dijangka kekal lemah. Permintaan dalam negeri kekal lembap berikutan keadaan pasaran buruh yang kurang menggalakkan dan jangkaan kenaikan cukai ketika keyakinan perniagaan adalah lemah.

Ekonomi **UK** dijangka terus berkembang untuk tahun kesebelas berturut-turut. Pertumbuhan ekonomi dijangka lebih menyeluruh dan dianggarkan pada 1.9%. Penggunaan dan perbelanjaan kerajaan dijangka secara relatifnya memberangsangkan, masing-masing didorong oleh kesan kekayaan yang positif dan rangsangan fiskal yang dianggarkan sebanyak 1% daripada KDNK. Sementara itu, sektor korporat dijangka mendapat manfaat daripada kombinasi perbelanjaan pelaburan am yang lebih tinggi dan keadaan permintaan luar negeri yang bertambah baik, terutamanya jangkaan pengumpulan inventori di kawasan euro.

Di **Jepun**, prospek bagi jangka pendek dan pertengahan kekal lemah. Masalah penstrukturan dalam sektor kewangan dan korporat dan juga tekanan deflasi yang berlanjutan terus menjejaskan ekonomi. Namun demikian, pada tahun 2003, pertumbuhan KDNK benar dijangka berkembang sebanyak 0.6%. Eskport ke pasaran Asia Timur (yang merupakan 40% daripada jumlah eksport) terutamanya dijangka menjadi sumber utama

pertumbuhan ekonomi. Sementara itu, kelemahan dalam kunci kira-kira sektor korporat dan isi rumah dijangka menjejaskan lagi permintaan dalam negeri.

Pada tahun 2002, harga minyak mentah meningkat dengan teguh, terutamanya pada separuh tahun kedua dan mencecah tahap tertinggi AS$34.99 pada 7 Mac 2003, iaitu peningkatan sebanyak 81.3% dari paras pada akhir tahun 2001 (AS$19.30 setong). Kenaikan harga minyak adalah disebabkan terutamanya oleh premium risiko peperangan, pengumpulan stok dengan jangkaan penawaran minyak yang lebih rendah berikutan kemungkinan gangguan di telaga minyak di Timur Tengah dan pengurangan sementara bekalan disebabkan gangguan eksport di Venezuela berikutan mogok secara besar-besaran yang bermula pada bulan Disember 2002. Harga minyak mentah dijangka kekal tinggi dan tidak menentu pada tahun 2003 dalam keadaan ketidaktentuan perkembangan geopolitik di Timur Tengah. Keadaan ini wujud walaupun *Organisasi Negara Pengeksport Petroleum* (OPEC) bersetuju untuk meningkatkan kuota pengeluaran sebanyak 1.5 juta tong sehari dan Arab Saudi (pengeluar terbesar dunia) memberi komitmen untuk menampung sebarang kekurangan daripada eskport pada tahun tersebut. Penilaian menunjukkan bahawa harga minyak secara relatif dijangka kekal tinggi pada separuh tahun pertama 2003, kira-kira AS$30 setong secara purata dan menurun ke bawah paras AS$25 setong pada separuh tahun kedua 2003.

Inflasi dijangka tidak akan menjadi isu di negara-negara perindustrian utama pada tahun 2003. Walaupun inflasi diramal meningkat kepada 1.9%, ini sebahagian besarnya disebabkan terutamanya kesan daripada harga minyak mentah dunia yang tinggi terutamanya pada separuh tahun pertama 2003. Di kawasan euro, kesan kenaikan harga minyak mentah yang lebih tinggi sebahagiannya akan diimbangi oleh peningkatan nilai euro, memandangkan harga minyak mentah diurus niaga dalam dolar AS. Sementara itu, ekonomi Jepun dijangka terus mengalami tekanan deflasi. Harga pengguna dianggarkan terus menurun bagi tahun kelima berturut-turut, disebabkan terutamanya keadaan permintaan dalam negeri yang lembap dalam keadaan bekalan yang meningkat.

Walaupun tanda-tanda semasa menunjukkan bahawa pertumbuhan dunia akan kekal positif, tahap pertumbuhan ini akan bergantung terutamanya kepada perkembangan geopolitik yang berlaku dan kesannya kepada negara-negara perindustrian utama. **Risiko utama ialah ketidaktentuan geopolitik yang berpanjangan dalam ekonomi global membawa kesan yang lebih buruk daripada jangkaan terhadap keyakinan pengguna dan perniagaan serta juga harga minyak yang tinggi**. Dalam keadaan yang sedemikian, perbelanjaan pengguna mungkin terbatas dan perbelanjaan pelaburan mungkin ditangguhkan lagi. Harga minyak yang tinggi dan tidak menentu dijangka akan memberi kesan negatif kepada pertumbuhan dunia.

Ekonomi Asia Timur

Dengan ketidaktentuan di luar negeri yang semakin memuncak, prospek **pertumbuhan di rantau Asia diramal kekal** dalam lingkungan 5.5–5.7% pada tahun 2003. Sebagaimana tahun-tahun sebelumnya, Republik Rakyat China dan Korea dijangka menerajui pertumbuhan serantau. Pertumbuhan serantau dijangka didorong oleh permintaan dalam negeri, pemulihan yang sederhana dalam pelaburan dan pengukuhan perdagangan serantau. Prospek pertumbuhan ini diperkukuhkan oleh strategi yang dilaksanakan untuk menggalakkan sumber-sumber pertumbuhan dalam negeri di sektor baru dan khusus di samping mengubah suai struktur ekonomi untuk memastikan perkembangan yang lebih meluas di sektor perkhidmatan, pertanian dan perkilangan. Prospek pertumbuhan yang positif ini juga bergantung kepada pengukuhan asas-asas ekonomi, yang meningkatkan daya tahan negara-negara serantau dalam menghadapi kejutan dari luar negeri.

Asas-asas ekonomi serantau yang semakin kukuh dicerminkan oleh rizab yang lebih tinggi, sistem perbankan yang lebih kukuh dan kepelbagaian aktiviti-aktiviti pertumbuhan baru di sektor perkilangan dan perkhidmatan untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan dalam penggunaan

Pertumbuhan ekonomi serantau yang mapan pada tahun 2003 dijangka berpunca daripada penggunaan dalam negeri, pemulihan sederhana dalam pelaburan dan pengukuhan perdagangan serantau.

Graf 3.2
Negara-negara Serantau:
Pertumbuhan KDNK Benar (%)



modal. Memandangkan rantau ini merupakan pengimport minyak bersih, harga minyak mentah yang tinggi dijangka memberi kesan negatif ke atas terma dagangan pada tahun 2003, dengan imbangan akaun semasa akan mengecil tetapi masih dalam kedudukan lebihan. Nisbah hutang jangka pendek kepada jumlah hutang luar serta nisbah jumlah hutang luar negera kepada KDNK telah menurun berbanding semasa tempoh krisis. Walaupun paras jumlah hutang luar negera berbeza-beza di antara negara-negara di rantau ini, kadar simpanan antara 20–45% di rantau ini membolehkan pembiayaan langkah-langkah yang dilaksanakan bagi menggalakkan pertumbuhan daripada sumber dalam negeri. Kemajuan yang nyata telah dicapai dalam penstrukturan semula kunci kira-kira bank yang mencerminkan terutamanya, penurunan nisbah pinjaman tidak terbayar (NPL), permodalan bank yang lebih tinggi dan keuntungan bank yang meningkat. Memandangkan risiko dalam negeri mulai berkurangan pada tahun 2002, agensi penarafan kredit antarabangsa telah menaikkan taraf kredit untuk beberapa negara serantau, terutamanya Malaysia, Republik Rakyat China, Korea dan Negeri Thai.

Memandangkan pengukuhan asas ekonomi memberi ruang untuk melaksanakan dasar-dasar yang lebih fleksibel bagi merangsang aktiviti permintaan, penggunaan dalam negeri dijangka kekal sebagai faktor utama untuk menyokong pertumbuhan pada tahun 2003. Pertumbuhan permintaan dalam negeri dijangka didorong oleh pengembangan fiskal di beberapa negara serantau, kadar faedah yang rendah dan kemajuan dalam penstrukturan semula sektor kewangan dan korporat serta disokong oleh peningkatan eksport. Langkah-langkah untuk terus meliberalisasikan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA), seperti penurunan tarif kepada 0–5% untuk lebih banyak produk menjelang tahun 2003 akan mengakibatkan kos pengeluaran yang lebih rendah di rantau ini, yang berpotensi untuk terus menggalakkan penggunaan dalam negeri. Kesan keseluruhan pengembangan fiskal yang lepas telah meningkatkan pendapatan dan mengekalkan penggunaan dalam negeri. Sektor isi rumah juga dijangka terus menerajui permintaan dalam negeri melalui pertumbuhan kredit pengguna dan pinjaman gadai janji. Hutang isi rumah di rantau ini agak rendah kecuali di Korea dan ini menunjukkan bahawa masih terdapat ruang untuk pertumbuhan dalam sektor ini. Tambahan pula, "dividen demografi Asia" yang memperlihatkan penurunan pada nisbah tanggungan kepada guna tenaga pekerja daripada 80% pada tahun 1965 kepada 55% pada tahun 1990an, menunjukkan potensi penggunaan untuk terus berkembang. Dianggarkan bahawa bagi setiap dollar yang melebihi paras pendapatan AS$5,000 setahun, sebanyak 60 sen adalah untuk perbelanjaan.

Walaupun tidak terdapat risiko dalam negeri, risiko luar negeri pada amnya menunjukkan bahawa pertumbuhan dijangka menyederhana pada separuh pertama tahun 2003 sebelum tahap pemulihan di negara-negara perindustrian meningkat pada separuh tahun kedua dengan menghasilkan peningkatan permintaan luar negeri yang lebih teguh di rantau Asia. Tahap perkembangan permintaan luar negeri dijangka dipengaruhi sebahagian besarnya oleh prospek pertumbuhan di beberapa ekonomi perindustrian utama dan kekuatan kitaran ke atas sektor elektronik global. Pertumbuhan yang sederhana di dalam jualan separa konduktor global pada tahun 2002 adalah di luar jangkaan memandangkan perbelanjaan teknologi terjejas oleh risiko geopolitik, prospek pemulihan ekonomi AS dan prestasi pasaran saham global yang lembap. Ramalan terkini oleh *Semiconductor Industry Association* (SIA) untuk tahun 2003 menunjukkan bahawa pasaran Asia Pasifik merupakan 38% daripada jualan separa konduktor global dengan mencatat pertumbuhan sebanyak 24%, iaitu pertumbuhan tertinggi di antara pasaran global. Antara negara-negara serantau, Republik Rakyat China dan Korea dijangka mencakupi sebahagian besar daripada jumlah jualan. Pertumbuhan jualan yang pesat dijangka didorong

oleh peningkatan perbelanjaan IT korporat bagi tujuan meningkatkan keupayaan, peningkatan permintaan pengguna untuk barangan elektronik, perbelanjaan pelaburan dan R&D yang lebih tinggi oleh pengeluar utama dan penggunaan kapasiti yang berterusan tinggi oleh pengeluar litar bersepadu.

Penggunaan dalam negeri yang kekal dan pemulihan sektor elektronik dijangka terus menyokong pertumbuhan perdagangan serantau. Pada tahun 2001, ketika permintaan dari negara-negara maju menguncup dan kejatuhan pasaran elektronik global, bahagian eksport serantau daripada jumlah eksport serantau dikekalkan pada 33%. Selaras dengan perbelanjaan pengguna swasta yang kukuh di rantau ini, perdagangan serantau semakin meningkat, di mana Republik Rakyat China memainkan peranan sebagai pengimport utama di rantau ini. Pada tahun 2003, perdagangan serantau dijangka terus menyokong permintaan dalam negeri di kebanyakan negara-negara serantau, dengan perdagangan serantau dijangka terus meyumbang kepada pertumbuhan. Dengan prospek pertumbuhan yang kukuh, terutamanya aliran masuk pelaburan langsung asing yang terus meningkat ke dalam Republik Rakyat China dijangka meningkatkan eksport dari negara-negara serantau ke Republik Rakyat China.

Pada tahun 2003, pertumbuhan **Ekonomi Perindustrian Baru Asia (NIE Asia)** sebagai satu kumpulan dijangka kekal pada kadar 4.2–4.5% (2002: 4.4%), mencerminkan keadaan permintaan dalam negeri dan luar negeri yang secara umumnya stabil. Di **Korea**, sementara langkah-langkah yang diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 2002 untuk mengekang kenaikan pinjaman pengguna dijangka menyederhanakan pertumbuhan penggunaan isi rumah, eksport yang terus kukuh dijangka meningkatkan pengeluaran dan pertumbuhan ekonomi. Walaupun terdapat risiko di luar negeri dan penggunaan swasta mungkin menyederhana, pelaburan korporat dijangka meningkat, dengan aktiviti pelaburan akan tertumpu kepada sektor automobil, jentera am dan sektor berkaitan IT. Memandangkan kedudukan fiskal yang kukuh, Korea mempunyai fleksibiliti bagi menggunakan dasar fiskal untuk menyokong permintaan dalam negeri. Selaras dengan perkembangan yang dijangka, KDNK benar di Korea diramalkan berkembang 5.5% pada tahun 2003.

Di **China Taipei**, KDNK benar dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 3.7% manakala ekonomi **Hong Kong China** dijangka berkembang sebanyak 3.0% dengan jangkaan bahawa sektor luaran terus mendapat manfaat daripada integrasi ekonomi yang lebih erat dengan Republik Rakyat China. Di **Hong Kong China**, prospek pertumbuhan juga bergantung kepada pemulihan permintaan dalam negeri dan aktiviti pelaburan. Tumpuan kepada aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi dalam perkhidmatan kewangan, logistik, pelancongan dan pengeluar dan perkhidmatan professional dijangka memberi dorongan kepada aktiviti ekonomi. Di **China Taipei**, pakej rangsangan ekonomi untuk meningkatkan projek pembinaan awam dan pewujudan peluang pekerjaan baru dijangka akan membawa kepada penggunaan dalam negeri yang lebih tinggi. Ini adalah sebahagian daripada rancangan pembangunan nasional enam tahun yang diperkenalkan pada awal tahun 2002, iaitu *'Challenge 2008'*, yang tertumpu kepada akitiviti yang mempunyai nilai ditambah sebagai asas untuk mewujudkan peluang pekerjaan.

Ekonomi **Singapura** diramalkan akan terus pulih, dengan pertumbuhan di antara 2-5%. Di samping pengangguran struktural, langkah-langkah dasar penawaran sedang dilaksanakan untuk meningkatkan pertumbuhan. Strategi-strategi ditumpukan untuk mempelbagaikan ekonomi dan mengurangkan kos operasi. Pada bulan Februari 2003, pelan ekonomi untuk 15 tahun yang akan datang telah diperkenalkan, dengan penekanan terhadap memperluaskan hubungan luar negeri, mengekalkan daya saing, menggalakkan keusahawanan, membangunkan sumber manusia dan mempromosikan aktiviti pengeluaran yang lebih berasaskan perkhidmatan dan nilai ditambah. Sementara itu, pertumbuhan KDNK benar di **Republik Rakyat China** dijangka kekal pada tahap yang tinggi sebanyak 7%, didorong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh, mengekalkan dasar monetari dan fiskal yang meyokong pertumbuhan, peningkatan pelaburan langsung asing dan dasar penswastaan yang lebih cepat.

Pada tahun 2003, ekonomi **ASEAN** secara keseluruhannya dijangka mencatat pertumbuhan antara 3.5–4.6% (2002: 4%), dengan jangkaan pertumbuhan eksport terus kekal kukuh dan sumbangan penggunaan dan pelaburan dalam negeri sebahagian besarnya dapat dikekalkan. Pertumbuhan di **Filipina** dijangka meningkat 4.2–5.2% dengan pertumbuhan dalam perniagaan telekomunikasi dan pusat panggilan dijangka menyokong perbelanjaan penggunaan dan pembentukan modal tetap dalam negeri ketika kadar faedah berada di paras terendah di sepanjang dekad

Perdagangan Serantau*: Kepentingan Republik Rakyat China Semakin Meningkat

Semenjak krisis Asia, bahagian perdagangan eksport serantau daripada jumlah eksport negara-negara serantau telah meningkat daripada 31.8% pada tahun 1998 kepada 33.8% pada separuh pertama tahun 2002. Dari segi pertumbuhan tahunan, eksport serantau meningkat dengan nyata daripada 6% pada tahun 1997 kepada 23% pada tahun 2000. Perdagangan serantau adalah didorong oleh pertumbuhan ekonomi serantau yang kukuh, langkah-langkah meliberalisasikan perdagangan dan sumbangan yang lebih tinggi daripada permintaan dalam negeri kepada pertumbuhan keseluruhan. Khususnya, keadaan ekonomi Republik Rakyat China yang lebih terbuka dan pertumbuhan ekonomi yang pesat, telah mewujudkan pasaran baru bagi barangan di rantau ini. Selain daripada itu, rangkaian pengeluaran yang meluas di rantau ini berikutan penempatan semula syarikat multinasional ke Republik Rakyat China, peningkatan di dalam aktiviti khidmat sumber luaran dan pengkhususan menegak terus menyokong perdagangan serantau. Beberapa anggaran menunjukkan bahawa lebih kurang 30-50% daripada perdagangan serantau adalah untuk permintaan akhir di dalam rantau ini.

Graf 1
Arah Aliran dan Komposisi Permintaan Eksport Serantau



Walaupun perdagangan serantau penting dalam menyumbang kepada pertumbuhan serantau, ia tidak cukup untuk memberi perlindungan terhadap kejutan luaran daripada negara-negara maju. Meskipun semakin banyak perdagangan serantau yang dikekalkan untuk permintaan dalam negeri di negara-negara serantau, saiz penggunaan swasta masih kecil berbanding dengan pasaran maju, mencakupi lebih kurang 8.5% daripada penggunaan di negara-negara maju. Ini menjelaskan bahawa lebih banyak eksport serantau yang dihantar ke luar rantau ini (2001: 66%). Di samping itu, kitaran pertumbuhan eksport serantau secara umumnya mempunyai hubungan secara langsung dengan kitaran pertumbuhan eksport serantau ke negara-negara maju dan ini mengakibatkan pertumbuhan prokitaran sebahagian besar permintaan serantau.

* Merujuk kepada perdagangan antara Republik Rakyat China, Hong Kong China, Korea, Singapore, Malaysia, Negeri Thai, Filipina dan Indonesia.

Walau bagaimanapun, manfaat daripada perdagangan serantau adalah disokong oleh kemunculan Republik Rakyat China sebagai sumber permintaan yang semakin pesat berkembang di dalam rantau ini. Dalam tempoh 1991–2001, peranan Republik Rakyat China di rantau ini telah berubah daripada pengeksport bersih kepada pengimport bersih pada tahun 1993. Dengan bahagian eksport serantau ke Republik Rakyat China daripada perdagangan serantau berpurata 28.8% setahun dalam tempoh 1991 sehingga separuh pertama tahun 2002, Republik Rakyat China telah menjadi pasaran terbesar untuk eksport serantau. Dalam tempoh 1996 sehingga 2001, pertumbuhan perdagangan serantau (termasuk Republik Rakyat China) adalah lebih pesat pada 3% setahun, berbanding dengan 2% setahun untuk perdagangan serantau (tidak termasuk Republik Rakyat China).

Secara keseluruhannya, dengan kemasukan Republik Rakyat China ke Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) di penghujung tahun 2001, peranannya dalam perdagangan sedunia telah meningkat, seperti yang dicerminkan oleh bahagiannya dalam perdagangan sedunia yang meningkat daripada 2.7% pada tahun 1996 kepada 4.5% pada separuh tahun pertama 2002. Sejajar dengan itu, bahagian eksport serantau ke Republik Rakyat China daripada jumlah eksport serantau meningkat daripada 12.9% pada tahun 1996 kepada 13.1% pada separuh pertama tahun 2002.

Graf 2
Destinasi Eksport Serantau (1997 - 2001)



Graf 3
Perdagangan Serantau (1996 - 2001)



Anggaran oleh beberapa sumber menunjukkan sekurang-kurangnya 50% daripada import Republik Rakyat China dari negara-negara serantau adalah untuk permintaan dalam negeri. Selaras dengan pertumbuhan permintaan dari Republik Rakyat China, eksport serantau ke Republik Rakyat China telah meningkat dengan ketara. Eksport Korea ke Republik Rakyat China sebagai bahagian daripada jumlah eksport serantau Korea mencatat pertumbuhan yang paling pesat, meningkat lebih kurang enam kali ganda, daripada 7.8% pada tahun 1991 kepada 46.9% pada separuh pertama tahun 2002. Di Singapura, Malaysia dan Negeri Thai, bahagian eksport meningkat hampir tiga kali ganda dalam tempoh masa yang sama. Adalah diramalkan bahawa peningkatan dalam perdagangan ke Republik Rakyat China dan perdagangan di antara negara-negara ASEAN dan negara-negara besar Asia yang lain, dijangka merenggangkan hubungan secara langsung yang rapat antara eksport serantau dengan eksport rantau ini ke negara-negara maju yang terjalin pada masa ini.

Di **Negeri Thai**, penggunaan swasta dijangka dapat mengekalkan momentumnya yang kukuh bagi menyokong pertumbuhan, berikutan prospek pekerjaan yang menggalakkan. Inflasi yang rendah memberi fleksibiliti dasar untuk terus menggalakkan permintaan dalam negeri. Penunjuk-penunjuk ekonomi menunjukkan pertumbuhan KDNK benar pada tahun ini adalah sebanyak 3.5–4.5%. Di **Indonesia**, pertumbuhan dijangka kekal di antara 3.5–4%, disebabkan pengembangan penggunaan dan pelaburan swasta. Walau bagaimanapun, kelemahan harga eksport komoditi bukan minyak dijangka menyederhanakan pertumbuhan eksport, meskipun harga minyak yang tinggi dijangka memberi kesan positif kepada terma dagangan.

Pada tahun 2003, **inflasi** di negara-negara serantau diramal kekal sederhana, walaupun meningkat kepada 1.6–2%, disebabkan terutamanya oleh harga minyak yang meningkat. Tekanan deflasi di Hong Kong China dijangka reda, sementara inflasi telah mula muncul semula, ekoran pengukuhan permintaan dalam negeri di Republik Rakyat China, Singapura dan China Taipei. Di Republik Rakyat China, usaha berterusan ke arah dasar monetari yang mengembang dijangka mengekang harga daripada terus merosot. Inflasi di **NIE Asia** sebagai satu kumpulan dijangka meningkat dengan sederhana kepada 1.4–1.5%. Di Korea, tekanan harga mungkin muncul akibat kenaikan upah, harga minyak yang lebih tinggi dan peningkatan caj perkhidmatan awam. Sementara tekanan deflasi yang dijangka reda di Hong Kong China disebabkan oleh jangkaan keadaan permintaan yang bertambah baik dan penamatan subsidi kerajaan untuk caj utiliti, keadaan deflasi di Singapura mungkin berakhir berikutan peningkatan kadar cukai barangan dan perkhidmatan (GST) daripada 3% kepada 4% pada bulan Januari 2003.

Inflasi di negara-negara **ASEAN** sebagai satu kumpulan dijangka menyederhana sedikit kepada 3.9–4.4% disebabkan terutamanya oleh inflasi yang nyata lebih rendah di Indonesia, iaitu daripada paras dua angka yang dicatat pada dua tahun kebelakangan ini kepada paras satu angka. Tekanan harga dijangka berkurang di Indonesia, dengan penyemakan semula ke bawah dalam caj utiliti asas dan jangkaan pengukuhan rupiah pada tahun 2003. Sementara itu, inflasi dijangka meningkat di Negeri Thai, disebabkan oleh penggunaan dalam negeri yang kukuh dan rancangan kenaikan kadar cukai nilai ditambah (VAT) yang dirancang daripada 7% kepada 10%. Begitu juga, inflasi di Filipina diramal meningkat memandangkan harga minyak yang lebih tinggi dan peningkatan harga makanan disebabkan oleh keadaan cuaca yang tidak menentu.

Kadar Faedah dan Kadar Pertukaran Asing

Pada tahun 2002, **dasar monetari** di negara-negara perindustrian utama bagi keseluruhan tahun, tanda-tanda baru kelemahan ekonomi menyebabkan *Federal Reserve Board* (Fed) AS dan *European Central Bank* (ECB) menurunkan kadar faedah pada akhir tahun 2002.

Di Amerika Syarikat, pihak **Fed** telah menurunkan kadar *Federal funds* sebanyak 525 mata asas dalam 12 langkah sejak bulan Januari 2001 termasuk 50 mata asas yang diturunkan pada 6 November 2002. Tindakan ini telah menurunkan kadar *Federal funds* kepada tahap terendah dalam masa melebihi 40 tahun. Sementara itu, pihak **ECB** juga telah menurunkan kadar faedah sebanyak 50 mata asas pada bulan Disember 2002 dan sekali lagi sebanyak 25 mata asas pada 6 Mac 2003. Berbanding dengan AS, kadar dan kecepatan penurunan ECB mungkin dikekang oleh kebimbangan terhadap tahap inflasi yang masih melebihi kadar sasaran 2%. Setakat ini, sejak bulan Mei 2001, pihak ECB telah menurunkan kadar repo kepada 2.5% dalam enam langkah yang berjumlah 225 mata asas untuk menangani kelembapan ekonomi di kawasan euro.

Di UK, ***Bank of England*** (BOE) setelah mengekalkan kadar faedah pada tahap rendah pada tahun 2002, menurunkan kadar berian pinjaman asas (BLR) sebanyak 25 mata asas pada 6 Februari 2003. Ini berikutan kelembapan dalam sektor perkilangan dan kebimbangan bahawa permintaan dalam dan luar negeri adalah lebih rendah daripada jangkaan awal.

Graf 3.3
Negara-negara Perindustrian Utama: Kadar Faedah Rasmi



Oleh itu, BOE telah menurunkan BLR sebanyak 225 mata asas sebanyak lapan kali sejak bulan Februari 2001. Sementara di Jepun pula, dengan kadar faedah rasmi hampir sifar, **Bank of Japan** (BOJ) telah melaksanakan langkah-langkah pelonggaran secara kuantitatif sepanjang tahun 2002. Ini bertujuan untuk meningkatkan jumlah mudah tunai dalam sistem perbankan untuk menangani deflasi serta kelembapan ekonomi yang masih berterusan.

Bagi tempoh tahun 2003 yang selanjutnya, ketidakpastian ekonomi berikutan risiko geopolitik tidak akan meningkatkan kadar faedah yang tersedia rendah, memandangkan bank-bank pusat dijangka tidak akan menaikkan kadar faedah sehingga pertumbuhan ekonomi menjadi lebih kukuh. Jika ketidakpastian geopolitik menyebabkan kelembapan ekonomi yang berlanjutan, bank-bank pusat dijangka akan mengambil tindakan bagi menyokong pertumbuhan. Walau bagaimanapun, masa dan tahap tindakan yang akan diambil bergantung kepada faktor-faktor yang khusus kepada sesebuah negara tersebut. Ini termasuk kekukuhan pertumbuhan ekonomi, arah aliran inflasi, pergerakan mata wang-mata wang utama dan juga prestasi pasaran kewangan.

Di **pasaran pertukaran wang asing**, nilai dolar AS menyusut berbanding kesemua mata wang utama pada tahun **2002**. Nilai dolar AS, yang diukur berasaskan wajaran perdagangan, mula menyusut sejak bulan Februari 2002 daripada tahap tertingginya dalam masa 15 tahun, setelah sentimen pelabur berubah kepada keengganan untuk memegang aset dolar AS. Berikutan itu, pada akhir tahun 2002, nilai dolar AS telah menyusut kira-kira 18% berbanding euro dan kira-kira 11% berbanding yen Jepun dan juga pound sterling. Prestasi dolar AS terjejas oleh keuntungan korporat yang kecil, pertumbuhan ekonomi yang semakin perlahan serta faktor geopolitik berikutan ketegangan yang memuncak di Timur Tengah dan isu keselamatan dalam negeri, yang telah menjejaskan keyakinan terhadap aset-aset yang dinilai dalam dolar AS. Penyederhanaan dalam aliran masuk modal ke AS, seterusnya menyebabkan kebimbangan tentang defisit akaun semasa yang semakin melebar serta ketidakpastian tentang arah dasar dolar AS pada masa hadapan. Berbanding dengan dolar AS yang menyusut, nilai euro meningkat pada tahun 2002, mencecah kadar pertukaran E1=AS$0.90 pada lewat bulan April dan berada pada kadar yang tertinggi dalam dua tahun, iaitu pada E1=AS$1.0492 setelah berakhirnya tahun 2002. Arah aliran ini masih berlanjutan pada awal tahun 2003 setelah dolar semakin menyusut berbanding euro berikutan kebimbangan geopolitik yang semakin meningkat.

Graf 3.4
Pergerakan Dolar Amerika Syarikat Berbanding Mata Wang Utama



Bagi tahun 2003 yang selanjutnya, pergerakan dolar berbanding mata wang-mata wang utama lain akan dipengaruhi oleh beberapa faktor. Ini termasuk perubahan peruntukan semula aset global antara mata wang-mata wang utama, tanggapan pelabur tentang kepentingan perbezaan pertumbuhan berbanding dengan perbezaan kadar faedah serta prestasi pasaran-pasaran saham dan bon. Kebimbangan pelabur tentang peperangan dan premium risiko keganasan juga mempengaruhi pertukaran dalam peruntukan aset. Di samping itu, isu-isu negara yang khusus yang melibatkan kekukuhan sistem kewangan juga boleh mempengaruhi sentimen terhadap mata wang - mata wang utama.

EKONOMI MALAYSIA PADA TAHUN 2003

Dalam keadaan ekonomi dunia yang menghadapi suasana ketidakpastian yang semakin meruncing, pertumbuhan ekonomi Malaysia akan diterajui terutamanya oleh faktor domestik di samping sokongan daripada pertumbuhan permintaan luaran yang sederhana. Pertumbuhan KDNK benar berpotensi untuk kekal di sekitar 4.5% pada tahun 2003 (2002: 4.2%). Namun, berbeza dengan tahun 2002, di mana sektor awam merupakan penggerak utama kepada pertumbuhan ekonomi, pada tahun 2003 permintaan sektor swasta pula dijangka memainkan peranan yang lebih penting dalam pertumbuhan ekonomi. Asas ekonomi dalam negeri yang bertambah baik akan memberikan sokongan kepada penggunaan yang kukuh dan pemulihan berterusan dalam pelaburan swasta.

Walaupun sektor awam kini dalam proses penyatuan, ia akan terus menyokong proses pertumbuhan negara. Walau bagaimanapun, faktor yang membimbangkan ialah perkembangan dalam permintaan luaran yang mungkin menjejaskan prestasi pertumbuhan. Namun, tahap daya tahan Malaysia memberikan pihak berkuasa fleksibiliti untuk menggunakan dasar bagi mempertingkat sumber pertumbuhan dalam negeri. Oleh itu, dasar-dasar pada tahun 2003 akan tertumpu kepada penggalakan pertumbuhan secara domestik oleh sektor swasta, dengan pihak Kerajaan menyediakan persekitaran yang sesuai bagi aktiviti dan inisiatif sektor swasta.

Unjuran pertumbuhan bagi tahun 2003 adalah berasaskan kepada pertumbuhan dunia yang sederhana, sedikit peningkatan dalam industri elektronik sedunia, harga komoditi yang kekal kukuh dan peningkatan dalam perdagangan serantau. Jangkaan pertumbuhan yang sederhana mengambil kira peningkatan dalam sumber pertumbuhan dalam negeri berikutan penyusunan semula sektor kewangan dan korporat semenjak berlakunya krisis. Perkembangan ini akan menambah fleksibiliti ekonomi negara untuk menangani keadaan ketidakpastian yang berpunca daripada ketegangan geopolitik. Peningkatan dalam sumber pertumbuhan domestik di rantau ini dan pertumbuhan yang lebih kukuh dalam perdagangan serantau juga akan menyumbang kepada pertumbuhan di Malaysia.

Dalam hal ini, strategi utama dalam Bajet Tahun 2003 tertumpu terhadap usaha untuk menggalakkan pelaburan swasta di pelbagai sektor yang mempunyai potensi pertumbuhan, terutamanya untuk menggalakkan aktiviti dalam bidang yang baru dan khusus di sektor perkhidmatan, pertanian dan perkilangan; meningkatkan pembangunan sumber manusia untuk menyokong ekonomi yang berasaskan pengetahuan; dan memperkukuh kedudukan daya saing Malaysia. Setakat ini, insentif cukai dan bukan cukai telah disediakan untuk menggalakkan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), usaha untuk menembusi pasaran eksport yang baru dan menggalakkan para pengilang untuk menceburi aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi seperti rekaan dan penyelidikan dan pembangunan. Insentif fiskal secara langsung tertumpu kepada pengurangan kos bagi perniagaan kecil melalui potongan cukai korporat serta menarik pelaburan yang lebih tinggi ke sektor sasaran dalam sektor pertanian (termasuk aktiviti hiliran bukan tradisional), dan dalam aktiviti berkaitan perkhidmatan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Melangkah ke hadapan, sektor pertumbuhan yang baru seperti sektor maklumat, komunikasi dan teknologi dan industri berasaskan sumber akan menjadi pemacu pertumbuhan yang penting, yang akan menambah kekukuhan dan kepelbagaian serta membina daya tahan ekonomi negara.

Tanpa mengenepikan kepentingan penyatuan fiskal untuk mengurangkan risiko jangka sederhana, polisi fiskal kekal mengembang secara sederhana pada tahun 2003 (-4% daripada KDNK). Dalam persekitaran inflasi yang rendah, dasar monetari pada tahun 2003 akan terus kekal akomodatif bagi menyokong pertumbuhan ekonomi. Di samping memastikan kadar faedah kekal rendah, dasar monetari menyediakan persekitaran yang positif untuk pengukuhan penggunaan dan pelaburan

Pertumbuhan pada tahun 2003 akan bergantung terutamanya kepada permintaan dalam negeri dan diterajui oleh sektor swasta. Dasar Kerajaan akan ditumpukan kepada penyediaan persekitaran yang sesuai untuk sektor swasta bagi mengambil alih peranan utama dalam menerajui pertumbuhan.

Jadual 3.2
KDNK Benar mengikut Perbelanjaan (1987=100)

	2002*a*	2003*r*
	Perubahan tahunan (%)	
Permintaan dalam negeri[1]	**4.3**	**5.9**
Perbelanjaan sektor swasta	2.0	7.1
Penggunaan	*4.2*	*6.9*
Pelaburan	*-6.1*	*8.1*
Perbelanjaan sektor awam	8.6	3.6
Penggunaan	*13.8*	*3.1*
Pelaburan	*4.6*	*4.1*
Eksport bersih barangan dan perkhidmatan	**-18.9**	**-0.7**
Eksport	3.6	5.2
Import	6.2	5.7
Keluaran Dalam Negeri Kasar	**4.2**	**4.5**

[1] Tidak termasuk stok
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

swasta. Keutamaan akan diberikan kepada usaha untuk mengukuhkan infrastruktur kewangan untuk meningkatkan akses pembiayaan bagi bidang komuniti perniagaan yang lebih luas, terutamanya industri baru dan perusahaan perkhidmatan dan untuk PKS dan peminjam kecil. Usaha juga akan terus difokuskan kepada meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem perbankan bagi memenuhi keperluan pembiayaan ekonomi. Pada masa yang sama, pembaharuan peraturan, termasuk mempiawai dan mempermudahkan peraturan pertukaran yang terpilih telah di buat, untuk menyediakan persekitaran yang mesra perniagaan untuk membolehkan perniagaan beroperasi secara lebih cekap dan bertindak balas dengan cepat terhadap perubahan dalam persekitaran pasaran.

Terdapat risiko yang boleh menjejaskan ramalan pertumbuhan ekonomi yang berpunca daripada sektor luaran, yang mungkin memberi kesan kepada momentum pemulihan dan prospek bagi ekonomi Malaysia. Di sektor luaran, ketidakpastian sedunia yang berpanjangan akan menghasilkan sikap tunggu dan lihat, justeru menyebabkan penangguhan dalam pengembangan pelaburan dan juga peningkatan yang dijangka dalam industri elektronik. Bagi Malaysia, sekiranya pemulihan dalam pelaburan swasta yang dilihat pada separuh tahun kedua tahun 2002 tidak meningkat lagi, pertumbuhan KDNK benar akan menjadi lebih lemah daripada yang dijangka.

Kerajaan sedar akan faktor-faktor yang dapat meningkatkan risiko ekonomi makro. Jika berlakunya kejutan yang ketara terhadap ekonomi, dasar monetari dan fiskal mempunyai fleksibiliti untuk menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri, memandangkan kadar inflasi yang rendah, kedudukan imbangan pembayaran yang kukuh, situasi hutang yang rendah, paras rizab antarabangsa yang selesa dan sistem perbankan yang kukuh. Langkah-langkah di sudut penawaran yang akan dilaksanakan juga memberi persekitaran yang sesuai untuk pihak swasta.

Permintaan Dalam Negeri

Dari sudut permintaan, pertumbuhan KDNK benar pada tahun 2003 dijangka berpunca terutamanya daripada permintaan dalam negeri yang lebih kukuh. Perbelanjaan sektor swasta akan meningkat secara sederhana, mencerminkan arah aliran penyatuan fiskal. Perbelanjaan sektor swasta, di bawah persekitaran yang positif, akan kembali muncul sebagai penggerak utama pertumbuhan, berikutan pertumbuhan yang lebih kukuh dalam penggunaan dan pelaburan swasta. Dengan jangkaan pertumbuhan eksport yang sederhana dan pertumbuhan import yang lebih perlahan, sumbangan eksport bersih kepada pertumbuhan akan bertambah baik.

Pertumbuhan dalam **penggunaan swasta** secara meluas, dijangka meningkat kepada 6.9% dengan keyakinan pengguna kekal mantap selaras dengan kestabilan dalam guna tenaga dan prospek pendapatan pada tahun 2003. Penggunaan di kawasan luar bandar dijangka meningkat kerana harga komoditi diramal akan kekal tinggi. Tambahan lagi, langkah-langkah cukai secara langsung yang diperkenalkan dalam Bajet Tahun 2002 dan pelarasan gaji sektor perkhidmatan awam akan terus mempunyai kesan pengganda yang besar daripada sektor isi rumah berikutan pendapatan boleh guna yang lebih tinggi. Pada masa yang sama, kadar tabungan yang tinggi, iaitu kira-kira 34% memberi potensi untuk peningkatan penggunaan dalam negeri.

Selepas mencatat pertumbuhan negatif selama dua tahun berturut-turut, **pelaburan swasta** kembali pulih pada separuh kedua tahun 2002. Berikutan pemulihan ini, pelaburan swasta dijangka meningkat 8.1% pada tahun 2003, disokong oleh aliran masuk pelaburan langsung asing yang berterusan. Jurang pembiayaan

Jadual 3.3
Sumbangan Komponen Permintaan kepada Pertumbuhan KDNK Benar

	2002*a*	2003*r*
	% mata sumbangan	
Permintaan dalam negeri[1]	**3.9**	**5.3**
Perbelanjaan sektor swasta	1.2	4.1
Penggunaan	*1.9*	*3.2*
Pelaburan	*-0.8*	*0.9*
Perbelanjaan sektor awam	2.7	1.2
Penggunaan	*1.9*	*0.5*
Pelaburan	*0.8*	*0.7*
Perubahan dalam stok	2.5	-0.7
Eksport bersih barangan dan perkhidmatan	**-2.1**	**-0.1**
Eksport	3.9	5.6
Import	6.0	5.7
Keluaran Dalam Negeri Kasar	**4.2**	**4.5**

Nota: Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan penggenapan
[1] Tidak termasuk stok
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

dijangka mengecil dengan kedudukan aliran tunai syarikat yang terus meningkat seperti yang dicerminkan oleh pertambahan dalam bilangan syarikat yang melaporkan pendapatan yang lebih tinggi pada tahun 2002. Peningkatan dalam kedudukan pendapatan serta pengurangan dalam lebihan kapasiti di pelbagai sektor akan menjadi pendorong kepada aktiviti pelaburan sektor swasta untuk terus mengukuh pada tahun 2003. Pembentukan modal sektor swasta dijangka berpunca daripada pelaburan baru di sektor perkilangan, pelaburan yang berterusan dalam projek infrastruktur dan utiliti swasta, rumah kediaman, industri hiliran berasaskan pertanian dan subsektor minyak dan gas. Pelaburan di sektor perkhidmatan akan kekal mapan, terutamanya dalam projek utiliti, pelancongan, teknologi maklumat dan pusat penyelidikan dan pembangunan. Pelaburan dalam perkhidmatan logistik dan sokongan, berserta penubuhan pusat serantau bagi operasi multinasional, termasuk ibu pejabat operasi, pusat perolehan antarabangsa dan pusat pemprosesan data serantau, pusat kewangan dan pusat khidmat pelanggan, dijangka akan bertambah.

mapan. Aktiviti pembinaan dijangka menjadi lebih perlahan pada tahun 2003 disebabkan terutamanya oleh aktiviti yang lebih sederhana dalam subsektor kejuruteraan awam dan harta tanah kediaman.

Nilai ditambah **sektor perkilangan** dijangka meningkat 5% pada tahun 2003, berdasarkan unjuran terhadap prospek pertumbuhan ekonomi global dan sektor elektronik global yang sederhana. Peningkatan arah aliran dalam perdagangan antara serantau dijangka meningkatkan permintaan bagi barangan perkilangan. Meskipun syarikat Malaysia yang mengeluarkan keluaran berkaitan komputer, cip bernilai tinggi dan cip untuk sektor tanpa wayar melahirkan rasa optimistik terhadap prospek bagi tahun 2003, syarikat elektronik yang lain pula menjangkakan prestasi yang sederhana. Secara umum adalah dijangkakan bahawa pertumbuhan akan bertambah baik pada separuh tahun kedua. Terdapat beberapa arah aliran positif yang akan menyokong pertumbuhan industri elektronik, iaitu segmen komputer peribadi (PC) dijangka mendapat manfaat daripada kitaran penggantian komputer

Hasil pendapatan syarikat yang bertambah baik, penguncupan dalam lebihan kapasiti di pelbagai sektor ekonomi dan kemasukan berterusan pelaburan langsung asing menyokong prospek pertambahan dalam pelaburan sektor swasta.

Sektor awam akan terus berkembang pada tahun 2003. Disebabkan ketidaktentuan dalam persekitaran luaran, proses penyepaduan perbelanjaan sektor awam dijangka akan dilaksanakan secara beransur-ansur. Sehubungan itu, pengembangan dalam **perbelanjaan pelaburan sektor awam** dijangka meningkat 4.1% pada tahun 2003 (4.6% pada tahun 2002). Peruntukan perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan akan terus difokuskan kepada sektor sosial dan ekonomi, dengan tumpuan khusus kepada bidang pendidikan dan peningkatan kemahiran guna tenaga, penyelidikan dan pembangunan serta program pertanian dan pembangunan luar bandar. **Perbelanjaan penggunaan sektor awam** dijangka meningkat 3.1%, kebanyakannya disebabkan oleh emolumen dan perbelanjaan yang lebih tinggi dalam bekalan dan perkhidmatan.

Prospek Sektoral

Dari segi pengeluaran, pertumbuhan dijangka menyeluruh dan dicerminkan dalam kesemua sektor. Prestasi yang lebih baik adalah diramalkan bagi sektor perkilangan dan pertanian, manakala aktiviti di sektor perkhidmatan dan perlombongan dijangka kekal

peribadi; bahawa pertumbuhan di rantau Asia Pasifik dijangka terus kukuh dan kekal sebagai rantau yang paling pesat berkembang di dunia disebabkan oleh peningkatan permintaan dalam negeri, penggunaan aktiviti khidmat luaran yang berterusan dan penempatan semula oleh syarikat multinasional. Permintaan di rantau ini dijangka didorong oleh cip memori bernilai tinggi, *flash* pemprosesan isyarat

Jadual 3.4
KDNK Benar Mengikut Sektor (1987=100)

	2002*a*	2003*r*
	Perubahan tahunan %	
Pertanian	0.3	1.5
Perlombongan	4.5	4.5
Perkilangan	4.1	5.0
Pembinaan	2.3	1.9
Perkhidmatan	4.5	4.4
KDNK Benar	**4.2**	**4.5**

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

digital serta aplikasi cip yang lebih meluas dalam barangan pengguna dan industri automobil. Di samping itu, meskipun permintaan baru dan jualan masih lemah di AS, paras inventori keluaran elektronik telah berkurangan ke paras di bawah AS$42 bilion (Februari 2001: AS$59.1 bilion) selepas pengeluaran yang nyata dalam stok pada tahun 2001 dan separuh pertama tahun 2002. Nisbah jualan kepada inventori bagi keluaran elektronik telah menyederhana kepada 1.55 pada bulan Januari 2003 daripada paras tertinggi pada 1.98 pada bulan Ogos 2001. Justeru itu, Malaysia dijangka mendapat manfaat daripada pemulihan permintaan dari AS dan permintaan yang berterusan dari rantau Asia.

Dengan prospek industri keluaran elektronik dan elektrik yang menggalakkan dan kesan limpahan positif ke atas industri keluaran kimia, pertumbuhan dalam industri berorientasikan eksport secara keseluruhannya dijangka bertambah kukuh kepada 6.2% (2002: 5%). Pada masa yang sama, pertumbuhan dalam industri berorientasikan pasaran tempatan juga dijangka bertambah kukuh kepada 4.3% pada tahun 2003 (2002: 3.4%), disokong oleh industri keluaran makanan, minuman, logam direka, kertas dan petroleum. Walau bagaimanapun, pertumbuhan dalam industri yang berkaitan dengan pembinaan dan industri kelengkapan pengangkutan dijangka kekal sederhana sejajar dengan prestasi sektor pembinaan yang lebih lemah dan penyederhanaan dalam permintaan bagi kereta penumpang setelah mengalami pertumbuhan yang kukuh pada dua tahun yang lepas.

Di **sektor perkhidmatan**, pertumbuhan dijangka mapan pada 4.4% pada tahun 2003 (2002: 4.5%), mencerminkan perkembangan yang berterusan di kesemua subsektor. Pertumbuhan dijangka berpunca dari subsektor perkhidmatan pengantara dan akhir. Khususnya, pertumbuhan subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi dijangka meningkat berikutan dengan jangkaan peningkatan dalam perdagangan, ketibaan pelancong yang lebih tinggi dan pertumbuhan industri telekomunikasi. Subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran juga dijangka mendapat manfaat daripada peningkatan perbelanjaan pelancong dan permintaan dalam negeri yang mapan, manakala subsektor utiliti diramal terus meningkat sejajar dengan jangkaan prestasi yang lebih baik di sektor perkilangan. Secara keseluruhan, pertumbuhan di sektor perkhidmatan dijangka berpunca daripada bidang pengkhususan baru dan pengembangan perkhidmatan tradisional seperti perkhidmatan kewangan dan pengangkutan.

Dengan masalah kekurangan buruh dijangka pulih pada separuh pertama tahun 2003, pertumbuhan **sektor pembinaan** dijangka meningkat 1.9%, mencerminkan terutamanya pertumbuhan yang lebih perlahan dalam subsektor kejuruteraan awam dan kediaman. Ini mencerminkan perbelanjaan yang lebih rendah ke atas projek infrastruktur oleh kedua-dua sektor swasta dan Kerajaan berikutan siapnya beberapa buah projek yang sedang berjalan. Bagi subsektor kediaman, terdapat peningkatan dalam jumlah harta tanah yang tidak terjual serta kadar jualan yang lebih rendah bagi projek yang baru dilancarkan pada separuh pertama tahun 2002. Sementara itu, aktiviti di subsektor bukan kediaman akan terus terjejas oleh keadaan lebihan penawaran.

Pertumbuhan adalah menyeluruh. Sektor perkilangan dijangka bertambah baik sejajar dengan peningkatan permintaan global bagi separa konduktor. Pertumbuhan sektor perkhidmatan pula akan disokong oleh permintaan dalam negeri dan eksport.

Pertumbuhan **sektor pertanian** dijangka meningkat 1.5% pada tahun 2003 hasil daripada peningkatan pengeluaran minyak sawit mentah, getah dan keluaran pertanian yang lain. Pertukaran dalam kitaran hasil biologi serta pertambahan dalam kawasan pengeluaran kelapa sawit yang baru matang di Malaysia Timur dijangka menyumbang kepada peningkatan dalam pengeluaran minyak sawit mentah. Pengeluaran getah asli, yang meningkat buat pertama kali dalam jangka masa lapan tahun pada tahun 2002, juga dijangka meningkat lagi pada tahun 2003. Peningkatan dalam pengeluaran getah adalah didorong oleh prestasi harga yang terus baik, justeru terus menggalakkan kegiatan menoreh, terutamanya di kalangan pekebun kecil yang mencakupi 85% daripada jumlah pengeluaran getah asli negara. Sementara itu, usaha yang berterusan oleh Kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran makanan dalam negeri dijangka menghasilkan

pengeluaran ternakan, perikanan, buah-buahan dan sayur-sayuran yang lebih tinggi.

Berdasarkan jangkaan harga petroleum dan gas asli yang lebih baik bagi tahun 2003, prospek pertumbuhan **sektor perlombongan** dijangka kekal mapan pada kadar 4.5%. Kedua-dua pengeluaran minyak dan gas asli dijangka meningkat pada tahun 2003. Pengeluaran minyak mentah dijangka meningkat pada tahun tersebut hasil daripada permintaan yang dijangka lebih tinggi, manakala peningkatan dalam pengeluaran gas asli pula adalah ekoran bermulanya operasi loji MLNG Tiga. Pada tahun 2003, pengeluaran minyak mentah (tidak termasuk kondensat) disasarkan sebanyak 620,000 tong sehari.

Harga dan Guna Tenaga

Inflasi keseluruhan (IHP) dijangka menyederhana kepada 1.5% pada tahun 2003 (1.8% pada tahun 2002), terutamanya disebabkan oleh kesan pelarasan harga yang lebih rendah untuk beberapa perkhidmatan tertentu. Dengan berakhirnya kesan pelarasan harga ke atas caj telefon yang dilaksanakan pada bulan Mac 2002, inflasi berkaitan dengan pengeluaran akan menyederhana kepada 0.8 mata peratusan daripada 1.5 mata peratusan pada tahun 2002. Unjuran ini telah mengambil kira kesan (secara langsung dan tidak langsung) daripada kenaikan sebanyak 2 sen ke atas harga runcit petrol, diesel dan LPG, dan kenaikan sebanyak RM3 ke atas sewa telefon. Selain daripada pelarasan harga ini, terdapat juga kemungkinan kesan pelepasan daripada pelbagai pelarasan harga yang dilaksanakan dalam dua tahun ini. Kesan pelepasan ini dijangka agak sederhana, berikutan pemulihan permintaan dalam negeri yang sederhana dan secara beransur-ansur. Begitu juga, kenaikan harga yang disebabkan oleh tekanan permintaan dijangka hanya akan meningkat secara sederhana, daripada 0.4% pada tahun 2002 kepada 1.1% pada tahun 2003, sejajar dengan pertumbuhan aktiviti ekonomi dalam negeri.

Potensi untuk pertumbuhan ekonomi yang kekal mapan dijangka terus menjana peluang pekerjaan di sektor utama ekonomi, terutamanya di sektor perkhidmatan dan perkilangan. Kadar **pengangguran** dianggarkan berada pada 3.4%. Inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan pada tahun-tahun kebelakangan ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kualiti pekerja untuk memenuhi permintaan majikan yang berubah dan untuk mengurangkan ketidaksepadanan kemahiran di pasaran pekerja dalam negeri.

Kedudukan imbangan pembayaran kekal kukuh dengan lebihan akaun semasa berterusan besar. Lebihan dagangan dijangka meningkat dengan pertumbuhan eksport keluaran elektronik dan perolehan yang lebih besar daripada eksport pertanian dan galian. Aliran masuk FDI dijangka kekal besar.

Graf 3.5
Harga Pengguna



r Ramalan

Imbangan Pembayaran dan Hutang Luar Negara

Pertumbuhan KNK yang sederhana dijangka dapat mengekalkan kedudukan **imbangan pembayaran** yang kukuh dengan saiz lebihan akaun semasa kekal besar (7.9% daripada KNK) pada tahun 2003. Lebihan **akaun perdagangan** dijangka meningkat selaras dengan pertumbuhan eksport yang sederhana (7%), khususnya eksport barangan elektrik dan elektronik dan hasil eksport pertanian dan bijih timah yang lebih tinggi. Memandangkan sumbangan eksport pertanian dan perlombongan dijangka lebih tinggi pada tahun 2003, keadaan ini berkemungkinan tidak diikuti oleh kenaikan import yang sama tinggi disebabkan eksport tersebut mempunyai kandungan import yang rendah. Oleh itu, peningkatan import kasar dijangka akan lebih sederhana di tahap 7.1%, dengan import barangan

Jadual 3.5
Imbangan Pembayaran

	2002*a*	2003*r*	2002*a*	2003*r*
	RM bilion		AS$ bilion	
Barangan	68.9	72.5	18.1	19.1
Akaun Perdagangan	51.0	54.1	13.4	14.2
Eksport (% perubahan)	*6.0*	*7.0*	*6.0*	*7.0*
Import (% perubahan)	*8.3*	*7.1*	*8.3*	*7.1*
Perkhidmatan	-6.0	-6.2	-1.6	-1.6
Imbangan barangan dan perkhidmatan	**62.9**	**66.3**	**16.6**	**17.5**
Pendapatan	-25.2	-29.0	-6.6	-7.6
Pindahan semasa	-10.4	-9.5	-2.7	-2.5
Imbangan akaun semasa	**27.4**	**27.9**	**7.2**	**7.3**
(% daripada KNK)	***8.1***	***7.9***	***8.1***	***7.9***
Akaun kewangan	-12.0		-3.1	
Kesilapan dan ketinggalan	-1.2		-0.3	
dimana:				
Keuntungan penilaian semula pertukaran asing	*6.6*		*1.7*	
Imbangan keseluruhan	**14.2**		**3.7**	

a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

pengantara meningkat 6.8%. Tidak termasuk import *"lumpy"* import barangan modal dijangka meningkat 19.5% selaras dengan aktiviti pelaburan yang dijangka pulih. Lebihan dagangan yang lebih tinggi dijangka diimbangi sebahagiannya oleh defisit akaun perkhidmatan dan pendapatan.

Prestasi pertumbuhan **eksport perkilangan** dijangka berterusan ke tahun 2003 dengan pertumbuhan sebanyak 6.7%, mencerminkan permintaan elektronik yang semakin baik, terutamanya dari rantau Asia. Eksport elektronik yang mencakup lebih separuh daripada jumah eksport barangan perkilangan dijangka berkembang lagi sebanyak 7.8%, disokong oleh permintaan yang kukuh bagi keluaran berkaitan komputer, cip memori bernilai tinggi dan cip untuk sektor tanpa wayar. Eksport keluaran bukan elektronik diramal akan pulih untuk meningkat 5.6% (2002: -0.8%), disebabkan oleh prestasi yang lebih baik dalam eksport keluaran kimia, keluaran kayu, keluaran galian bukan logam, optik dan kelengkapan saintifik, barang permainan kanak-kanak dan peralatan sukan, perabot dan tekstil. Seperti tahun 2002, peningkatan dalam eksport perkilangan dijangka didorong terutamanya oleh jumlah eksport yang tinggi, yang dijangka meningkat 9.3% (2002: 7.9%). Persaingan dari negara-negara berkos rendah, terutamanya dalam industri keluaran elektrik, akan menyebabkan tekanan terhadap harga, mengakibatkan harga eksport terus merosot sebanyak 2% (2002: -2.5%).

Harga komoditi dijangka kekal kukuh pada tahun 2003. Ini akan menyumbang kepada peningkatan sebanyak 10.9% dalam perolehan eksport **sektor pertanian,** selepas mencatatkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 31.9% pada tahun 2002. Walaupun jumlah komoditi pertanian yang dieksport dijangka meningkat sedikit, peningkatan dalam perolehan eksport sektor ini akan didorong terutamanya oleh harga purata yang lebih tinggi bagi kesemua komoditi pertanian utama. Memandangkan terdapat jangkaan terhadap kekangan penawaran sedunia bagi minyak dan lelemak terutamanya pada separuh pertama tahun 2003, harga purata eksport minyak sawit dijangka meningkat lagi kepada RM1,550 setiap tan. Arah aliran harga purata getah juga dijangka meningkat pada tahun 2003, memandangkan permintaan getah sedunia dijangka meningkat dalam suasana kekangan penawaran. Harga kayu balak dan kayu siap digergaji pula diunjurkan akan kekal stabil pada tahun tersebut, walaupun permintaan luar negeri terhadap komoditi ini dijangka pulih. Ini disebabkan komoditi tersebut dijangka menghadapi persaingan dari negara-negara pengeluar berkos rendah.

Di **sektor perlombongan**, harga minyak mentah dijangka akan terus dipengaruhi sebahagian

Jadual 3.6
Eksport dan Import

	2002*a*	2003*r*
	RM bilion	
Eksport kasar	**354.5**	**379.2**
(% perubahan)	***6.0***	***7.0***
Barangan perkilangan	298.9	319.1
(% perubahan)	*4.8*	*6.7*
di antaranya:		
Elektronik	154.4	166.4
(% perubahan)	*10.6*	*7.8*
Peralatan elektrik	54.8	55.6
(% perubahan)	*-9.8*	*1.5*
Kimia dan keluaran kimia	17.3	18.8
(% perubahan)	*16.2*	*8.7*
Galian	22.4	24.2
(% perubahan)	*-4.4*	*7.8*
Pertanian	26.3	29.2
(% perubahan)	*31.9*	*10.9*
Import kasar	**303.5**	**325.1**
(% perubahan)	***8.3***	***7.1***
Barangan modal	45.7	49.8
(% perubahan)	*10.6*	*9.0*
Barangan pengantara	216.5	231.2
(% perubahan)	*6.2*	*6.8*
Barangan pengguna	19.3	20.6
(% perubahan)	*15.9*	*6.8*

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

besarnya oleh perkembangan antarabangsa, yang timbul akibat daripada faktor geopolitik di Timur Tengah. Dengan kenaikan harga minyak dijangka paling ketara pada awal tahun, harga purata minyak mentah Malaysia dijangka pada AS$25 setiap tong, manakala harga gas asli cecair dijangka sejajar dengan harga minyak mentah. Inventori minyak yang rendah di kalangan negara pengimport akan terus menyokong permintaan terhadap minyak mentah. Bagi gas asli cecair pula, bermulanya operasi loji MLNG Tiga dijangka akan meningkatkan jumlah eksport komoditi tersebut pada tahun 2003. Dengan itu, eksport galian dijangka bertumbuh 7.8% pada tahun 2003.

Defisit **akaun perkhidmatan** dijangka berjumlah RM6.2 bilion, bertambah baik sedikit kepada 1.7% daripada KNK. Pembayaran yang lebih besar mencerminkan pembayaran pengangkutan dan insurans yang lebih tinggi selaras dengan aktiviti perdagangan yang dijangka berkembang. Perkembangan-perkembangan positif termasuklah peningkatan dalam penerimaan perolehan pelancongan serta hasil yang lebih tinggi daripada caj pelabuhan dan pendidikan. Pada tahun 2003, jumlah kedatangan pelancong dijangka kekal tinggi dengan pengenalan produk pelancongan yang lebih baik dan pelbagai, syarat permohonan visa yang lebih longgar, promosi pelancongan yang agresif di pasaran terpilih serta peningkatan dalam kekerapan penerbangan. Kerjasama yang lebih rapat antara Kerajaan dan sektor swasta untuk mempromosi eksport dan pelbagai bidang pengajian, menggabungkan teknologi maklumat dan kandungan kursus penyelidikan dan pembangunan, dijangka meningkatkan perolehan daripada sektor pendidikan. Hasil pelabuhan dijangka meningkat lanjutan daripada usaha-usaha untuk mempromosi penggunaan pelabuhan dalam negeri di samping menjadikan pelabuhan sebagai pusat pengagihan dan pemindahan. Pendekatan secara inovatif seperti kombinasi pemindahan barangan menggunakan udara dan laut, akses kepada teknologi maklumat, serta prosedur kastam yang mudah dan diselaraskan dijangka membolehkan pelabuhan menawarkan perkhidmatan yang pantas dan fleksibel.

Di samping itu, penerimaan kasar akaun perkhidmatan yang lain juga dijangka meningkat memandangkan pergembangan sektor perkhidmatan memperlihatkan pelaburan langsung asing dipelbagaikan dalam aktiviti berkaitan dengan perkhidmatan, termasuk komunikasi dan perkhidmatan berkaitan dengan teknologi maklumat. Pada masa yang sama, insentif untuk mengurangkan kos perniagaan melalui pengurangan berganda perbelanjaan promosi eksport yang ditanggung oleh perusahaan perkhidmatan profesional dijangka menggalakkan pembekal perkhidmatan tempatan untuk menjalankan perniagaan di luar negeri dan seterusnya meningkatkan hasil eksport.

Defisit **akaun pendapatan** melebar meningkat kepada 8.2% daripada KNK selaras dengan peningkatan keuntungan dan dividen yang terakru kepada bukan pemastautin berikutan eksport yang dijangka meningkat.

Akaun kewangan dijangka disokong oleh aliran masuk dana pelaburan yang berterusan. Aliran masuk pelaburan langsung asing yang mantap ke Malaysia adalah dijangkakan, terutamanya dalam bentuk pelaburan semula perolehan oleh syarikat-syarikat multinasional yang sedia ada, untuk menaik taraf mesin dan peralatan serta pelaburan baru di sektor perkilangan. Pelaburan di sektor perkhidmatan dijangka mapan. Insentif pelaburan yang diberi dalam Bajet tahun 2003, termasuk untuk penubuhan ibu pejabat operasi (OHQ) dan pusat pengagihan serantau dijangka menarik FDI dengan nilai ditambah yang lebih tinggi ke sektor perkhidmatan. Sementaraitu, pelaburan di sektor minyak dan gas dijangka kekal besar. Pelaburan langsung di luar negara dijangka terus berada di tahap sedia ada memandangkan beberapa syarikat yang telah memaklumkan hasrat mereka untuk beroperasi secara global bagi mewujudkan sinergi yang lebih besar kepada aktiviti korporat mereka.

Sektor rasmi dijangka mencatat pembayaran balik bersih pinjaman disebabkan oleh pembayaran balik pinjaman yang lebih besar oleh PABK berikutan kematangan beberapa bon dan pinjaman pada tahun 2003. Aliran modal jangka pendek dijangka volatil, akibat tindak balas sentimen dan kejadian yang bersifat jangka pendek.

Hutang luar negara yang belum dijelaskan dijangka menurun kepada RM184.5 bilion (AS$48.6 bilion) pada akhir tahun 2003, bersamaan dengan 52.3% daripada KNK. Dengan hutang jangka pendek dijangka kekal di paras yang dicatatkan pada tahun 2002, kedudukan yang lebih baik ini mencerminkan terutamanya penurunan hutang PABK berikutan matangnya

Jadual 3.7
Hutang Luar Negara

	2002*a*	2003*r*	2002*a*	2003*r*
	RM bilion		% bahagian	
Jangka sederhana dan panjang	**153.8**	**153.0**	**83**	**83**
Sektor Awam	100.6	99.6	54	54
Kerajaan Persekutuan	*36.3*	*38.3*	*20*	*21*
PABK	*64.3*	*61.4*	*35*	*33*
Sektor Swasta	53.2	53.4	29	29
Jangka pendek	**31.6**	**31.6**	**17**	**17**
Institusi perbankan	21.9	21.9	12	12
Sektor swasta bukan bank	9.7	9.7	5	5
Jumlah Hutang Luar Negara	**185.3**	**184.5**	**100**	**100**
bersamaan AS$ bilion	***48.8***	***48.6***		
% daripada KNK				
Jumlah hutang	55.1	52.3		
Hutang jangka sederhana dan panjang	45.7	43.3		
Nisbah khidmat bayaran hutang (%)				
Jumlah hutang	6.0	7.3		
Hutang jangka sederhana dan panjang	5.9	7.1		

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

beberapa bon dan pinjaman yang diperoleh terdahulu. Pembayaran balik bersih pinjaman luar negara oleh PABK dijangka lebih daripada mengimbangi pengambilan bersih pinjaman luar negara oleh Kerajaan Persekutuan dan sektor swasta. Kerajaan Persekutuan akan terus mengambil perolehan daripada pinjaman yang dijanjikan oleh institusi pelbagai hala dan Inisiatif Miyazawa. Sementara itu, dijangkakan bahawa sektor swasta akan mencatatkan aliran masuk pinjaman luar negara yang kecil. Nisbah khidmat bayaran hutang dijangka meningkat kepada 7.3%.

DASAR MONETARI PADA TAHUN 2003

Prospek tahun 2003 adalah ke arah pengembangan keluaran benar yang sederhana. Di bawah senario asas, rangsangan daripada sektor luar akan menyokong pertumbuhan. Dalam konteks dasar fiskal yang mengembang secara sederhana, sektor swasta dijangka berperanan semula sebagai enjin utama pertumbuhan. Ekonomi akan terus beroperasi di bawah potensi produktiviti dan keadaan lebihan kapasiti di beberapa sektor ketika pertumbuhan yang sederhana akan mengekalkan inflasi pada tahap yang rendah sebanyak 1.5%. Lebihan akaun semasa dan imbangan pembayaran secara keseluruhannya dijangka kekal kukuh. Berdasarkan keadaan ini, dasar monetari akan kekal akomodatif untuk menyokong aktiviti sektor swasta. Dari segi kadar pertukaran asing, tumpuan dasar adalah untuk memastikan asas-asas ekonomi terus menyokong kadar pertukaran tetap.

Dasar monetari pada tahun 2003 akan terus dipengaruhi oleh perkembangan global dan domestik. Di dalam negeri, asas-asas ekonomi bertambah kukuh dengan ketara dan mempunyai daya tahan yang lebih kukuh kepada kejutan luaran. Walau bagaimanapun, dari segi luar negeri, risiko-risiko daripada potensi kejutan telah meningkat dengan ketara. Ketidaktentuan yang memuncak disebabkan risiko geopolitik, kesan daripada harga tenaga yang lebih tinggi ke atas pertumbuhan global, volatiliti pasaran kewangan dan pengelakan risiko di kalangan pelabur dan pengguna boleh menyebabkan kelembapan ekonomi global yang meluas. Perkembangan ini boleh menyebabkan imbangan risiko yang lebih cenderung ke arah kemungkinan berlakunya kelembapan dalam aktiviti ekonomi dalam negeri. Dalam persekitaran ini, dasar monetari kekal fleksibel untuk mempengaruhi dengan sewajarnya perubahan yang muncul dalam keadaan makroekonomi. Walaupun keadaan semasa menyokong pengekalan dasar monetari yang akomodatif, tindakan awalan akan diambil sekiranya perkembangan menunjukkan perubahan keadaan yang ketara yang boleh meningkatkan risiko ke arah pertumbuhan ekonomi yang lebih rendah dengan nyata. Dasar-dasar akan disasarkan bagi memastikan tahap kadar faedah dan mudah tunai pasaran kekal relevan dan terus menyokong aktiviti sektor swasta.

Dalam konteks ini, satu pertimbangan yang penting dalam perubahan kadar faedah dasar adalah keperluan untuk mengambil kira sama ada kadar faedah semasa yang rendah berkesan dalam merangsang permintaan dalam negeri. Pada tahun 2002, permintaan daripada sektor isi rumah yang meningkat dengan ketara, merupakan satu perkembangan positif yang dijangka berterusan pada tahun 2003. Pemulihan permintaan bagi pinjaman daripada sektor perniagaan juga telah berlaku. Tahap kadar faedah semasa adalah dianggap bersesuaian, berdasarkan perkembangan asas dan tahap peningkatan aktiviti ekonomi.

Walaupun rangsangan makroekonomi bagi menangani perubahan kitaran dan perubahan asas adalah berkesan, langkah-langkah penawaran yang

Liberalisasi Peraturan Kawalan Pertukaran Asing pada tahun 2002 dan awal tahun 2003

Peraturan kawalan pertukaran asing dilaksanakan sebagai satu langkah berhemat bagi tujuan mencapai kestabilan kewangan. Peraturan-peraturan ini melengkapi keseluruhan polisi-polisi makroekonomi dan dilaksanakan secara telus dan pragmatik. Peraturan-peraturan ini sentiasa dikaji semula dan perubahan ke atas peraturan-peraturan ini dibuat supaya konsisten dengan keadaan semasa.

Pada tahun 2002 dan awal tahun 2003, beberapa peraturan kawalan pertukaran asing telah diliberalisasikan untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang menggalakkan serta mempertingkatkan operasi perniagaan yang lebih efisen di Malaysia.

Perubahan-perubahan yang dilakukan adalah seperti berikut:

Tarikh Kuat Kuasa	Perkara
21 November 2002	**Pembiayaan Projek yang Dijalankan di Malaysia oleh Bukan Pemastautin** Membenarkan institusi-institusi perbankan di Malaysia untuk memberi kemudahan-kemudahan kredit tambahan kepada bukan pemastautin sehingga jumlah agregat sebanyak RM5 juta untuk setiap bukan pemastautin bagi membiayai projek-projek yang dijalankan di Malaysia. Sebelum ini, kemudahan-kemudahan kredit di dalam mata wang ringgit kepada bukan pemastautin, untuk tujuan selain daripada membeli tiga harta tanah tak alih atau kenderaan, dihadkan kepada RM200,000.
3 Disember 2002	**Pembiayaan Semula Pinjaman harta tanah yang Diperoleh oleh Bukan Pemastautin** Selain daripada memperoleh tiga kemudahan kredit harta tanah bagi membiayai pembelian baru atau pembinaan harta tanah di Malaysia, bukan pemastautin boleh juga membiayai semula pinjaman harta tanah dalam mata wang ringgit. Ini tertakluk kepada maksimum tiga kemudahan kredit untuk pembelian harta tanah.
3 Disember 2002	**Pembayaran Aset Ringgit oleh Pemastautin dan Bukan Pemastautin** Pembayaran antara pemastautin dan bukan pemastautin dan antara bukan pemastautin untuk aset ringgit kini dilonggarkan bagi membolehkan ianya dibuat di dalam mata wang ringgit atau mata wang asing. (Sebelum ini, cuma dalam mata wang ringgit sahaja.)
3 Disember 2002	**Pelaburan Luar Negara oleh Pemastautin Dalam Skim Opsyen/ Pembelian Saham Pekerja** Had jumlah RM10,000 bersamaan dalam mata wang asing untuk pelaburan luar negara oleh pemastautin di bawah Skim Opsyen/Pembelian Saham Pekerja telah dimansuhkan. Berkuat kuasa dari tarikh ini, kebenaran secara am diberikan kepada pelaburan luar negara untuk tujuan ini.

Tarikh Kuat Kuasa **Perkara**

7 Mac 2003 **Kemudahan Overdraf dalam Ringgit Kepada Bukan Pemastautin**

Bank-bank perdagangan dan bank-bank Islam di Malaysia kini dibenarkan memberi kemudahan overdraf dalam mata wang ringgit tidak melebihi agregat RM500,000 kepada pelanggan bukan pemastautin tertakluk kepada syarat bahawa kemudahan overdraf tersebut dilindungi sepenuhnya dengan deposit tetap yang disimpan oleh pelanggan bukan pemastautin dengan bank-bank perdagangan dan bank-bank Islam di Malaysia. Kemudahan overdraf ini adalah kemudahan kredit mata wang ringgit tambahan yang dibenarkan secara bebas oleh institusi-institusi perbankan sejak 21 November 2002.

1 April 2003 **Kemudahan-kemudahan Kredit Tempatan kepada Syarikat yang Dikuasai oleh Bukan Pemastautin (NRCC)**

Peraturan-peraturan ke atas kemudahan kredit kepada NRCC telah juga dilonggar dan dipermudahkan. Keperluan di mana sekurang-kurangnya 50% daripada semua kemudahan kredit yang diberikan oleh institusi-institusi perbankan mestilah diperoleh daripada institusi-institusi perbankan yang dimiliki warga negara Malaysia telah dimansuhkan. Selain itu, kemudahan-kemudahan kredit yang boleh diberikan oleh pemastautin kepada NRCC telah dinaikkan kepada agregat RM50 juta dari RM10 juta. Hanya kemudahan kredit tempatan yang melebihi RM50 juta sahaja perlu mendapat kebenaran awal daripada Pengawal Pertukaran Asing (Pengawal).

NRCC terus dikehendaki untuk mematuhi nisbah 3:1 di atas jumlah kredit tempatan berbanding dana modal kelayakannya. Untuk pengiraan nisbah 3:1, NRCC kini diberi pilihan untuk menghitung jumlah kredit tempatan dan dana modal kelayakan sama ada berdasarkan dana modal syarikat secara berkumpulan ataupun berdasarkan sesebuah entiti. Selain itu, pengiraan hutang tempatan untuk keperluan nisbah 3:1 adalah hanya berdasarkan amaun kredit tempatan yang melebihi RM50 juta sahaja. Sebelum ini, pengiraan hutang tempatan dan dana modal kelayakan NRCC adalah berdasarkan satu kumpulan korporat. Selain itu, bagi pengiraan kemudahan kredit tempatan, ia mengambil kira keseluruhan kemudahan kredit tempatan yang diperoleh oleh NRCC.

1 April 2003 **Akaun Mata Wang Asing Pemastautin**

Had semalaman akaun mata wang asing eksport untuk Ibu Pejabat Operasi Yang Dibenarkan (OHQ) telah dinaikkan daripada AS$10 juta kepada AS$70 juta.

Had ke atas perolehan eksport mata wang asing yang boleh disimpan oleh pengeksport pemastautin dalam akaun mata wang asing eksport juga telah dinaikkan. Had-had baru yang berdasarkan jumlah purata penerimaan perolehan eksport adalah seperti berikut:

Jumlah Had Semalaman (AS$ juta)	**Purata Bulanan Penerimaan Perolehan Eksport**
50	Melebihi RM100 juta
30	Melebihi RM50 juta sehingga RM100 juta
10	Melebihi RM20 juta sehingga RM50 juta
5	Melebihi RM10 juta sehingga RM20 juta
3	Melebihi RM5 juta sehingga RM10 juta
1	Tidak melebihi RM5 juta atau pengeksport-pengeksport baru

Tarikh Kuat Kuasa	Perkara

Sebelum tarikh ini, pengeksport pemastautin dibenarkan untuk menyimpan perolehan eksport di dalam akaun mata wang asing eksport hanya sehingga had berdasarkan jumlah purata penerimaan perolehan eksport seperti berikut:

Jumlah Had Semalaman (AS$ juta)	Purata Bulanan Penerimaan Perolehan Eksport
10	Melebihi RM20 juta
5	Melebihi RM10 juta sehingga RM20 juta
3	Melebihi RM5 juta sehingga RM10 juta
1	Tidak melebihi RM5 juta atau pengeksport-pengeksport baru.

Selain itu, setelah mencapai had maksima yang dibenarkan, pengeksport juga dibenarkan untuk menyimpan tambahan 10% daripada setiap perolehan yang dibawa balik ke Malaysia tertakluk pada syarat jumlah had yang disimpan dalam akaun mata wang asing eksport tidak melebihi had semalaman yang dibenarkan pada peringkat yang seterusnya. Bagi pengeksport yang layak untuk menyimpan sehingga had semalaman AS$50 juta, jumlah tambahan maksima yang dibenarkan adalah sehingga AS$20 juta. Baki 90% perolehan eksport mestilah dijual kepada peniaga mata wang asing yang dibenarkan untuk ditukarkan kepada ringgit.

Sebelum tarikh ini, pengeksport-pengeksport pemastautin tidak dibenarkan untuk menyimpan di dalam akaun mata wang asing eksport melebihi had semalaman yang dibenarkan. Kesemua lebihan dana mestilah dijual untuk mendapatkan mata wang ringgit kepada peniaga mata wang asing yang diberi kuasa.

1 April 2003 **Kontrak Pertukaran Asing Tukaran Hadapan**

Peraturan bagi membenarkan pemastautin mengikat kontrak pertukaran asing tukaran hadapan telah dilonggarkan. Selain daripada penjualan hadapan mata wang asing hasil perolehan eksport dan penerimaan bayaran perkhidmatan, pemastautin kini dibenarkan untuk mengikat kontrak hadapan untuk menjual bagi tempoh tidak melebihi 12 bulan sebarang perolehan dalam mata wang asing dengan peniaga mata wang asing yang dibenarkan. Ini tertakluk kepada syarat urusniaga tersebut mestilah berdasarkan komitmen yang sah untuk menerima mata wang tersebut.

1 April 2003 **Had bagi Laporan Pembayaran dan Penerimaan**

Had bagi melengkapkan Borang P untuk pembayaran kepada bukan pemastautin dinaikkan kepada RM50,001 daripada RM10,001 dalam mata wang ringgit atau bersamaan dalam mata wang asing tanpa mengira tujuan pembayaran.

Sehubungan itu, had bagi laporan pembayaran dan penerimaan di bawah Sistem Laporan Imbangan Pembayaran Berasaskan Tunai masing-masing telah dinaikkan kepada RM50,001.

Pembayaran bagi pelaburan luar negara, termasuk bagi pemberian pinjaman kepada bukan pemastautin, terus memerlukan kebenaran daripada Pengawal sekiranya jumlah pembayaran melebihi RM10,000 bersamaan dalam mata wang asing.

1 April 2003 **Laporan untuk Perolehan Eksport oleh Pemastautin**

Keperluan untuk melengkapkan Borang KPW X untuk eksport melebihi RM100,000 f.o.b adalah dimansuhkan. Pengeksport hanya perlu mengisi laporan suku tahunan dan laporan tahunan untuk transaksi yang berkaitan dengan eksport.

lain juga sama penting bagi menggalakkan aktiviti sektor swasta yang lebih tinggi dan mapan. Dalam hal ini, pendekatan yang terancang dan komprehensif akan diambil untuk menggalakkan persekitaran yang berdaya saing yang akan memudahkan perusahaan perniagaan untuk beroperasi secara produktif dan dengan fleksibiliti yang lebih tinggi untuk bertindak balas kepada tekanan pasaran ketika prospek ekonomi global yang tidak menentu. Pelaksanaan dasar monetari akan memberi tumpuan terutamanya bagi memastikan keadaan yang menggalakkan untuk kos, mudah tunai pasaran dan capaian kepada pembiayaan. Dalam hal ini, langkah-langkah dasar akan terus mengumpil hasil daripada pelonggaran monetari yang terkumpul yang telah dilaksanakan semenjak tahun 1998. Kapasiti sistem perbankan untuk menyokong pertumbuhan pinjaman turut juga dipertingkatkan. Langkah-langkah yang sejajar untuk meningkatkan persekitaran kompetitif telah menghasilkan kadar berian pinjaman yang menurun. Peminjam telah mendapat faedah daripada pasaran kredit yang lebih kompetitif. Oleh itu, strategi adalah bagi meningkatkan lagi persekitaran kompetitif untuk bank menyokong industri pertumbuhan baru, sementara membolehkan pinjaman diberi pada harga yang kompetitif. Dalam konteks ini,monetari akan terus menyediakan persekitaran yang stabil dan boleh diramal untuk memudahkan anjakan asas daripada pertumbuhan yang dipandu oleh sektor awam kepada yang dipandu oleh sektor swasta. Pendekatan adalah untuk mengekalkan strategi pertumbuhan yang lebih meluas yang akan semakin bergantung kepada sektor swasta sebagai enjin permintaan dalam negeri serta perdagangan serantau yang lebih besar sebagai asas pertumbuhan. Secara keseluruhannya, dasar monetari akan dilaksanakan secara pragmatik dan bersifat menyokong, dalam satu rangka kerja berkadar faedah rendah, dan akses pembiayaan yang bertambah baik bagi membantu pertumbuhan ekonomi yang mapan.

DASAR FISKAL PADA TAHUN 2003

Sejajar dengan dasar penyatuan fiskal, Kerajaan telah membentangkan bajet yang berkembang secara sederhana mengembang untuk tahun 2003 pada 20 September 2002. Jangkaan ialah agar ekonomi Malaysia semakin kukuh pada tahun 2003, berikutan pemulihan yang dijangka di negara-negara industri utama dan pertumbuhan mapan dalam perdagangan serantau, dengan prospek pertumbuhan serantau yang lebih kukuh. Bajet juga menjangkakan bahawa sektor swasta akan memainkan peranan yang lebih besar dalam mengekalkan pertumbuhan yang didorong oleh ekonomi dalam negeri. Permintaan penggunaan sektor swasta dijangka kekal pada paras yang tinggi, disokong oleh rangsangan terkumpul disediakan oleh dasar ekonomi makro yang pro-pertumbuhan. Pelaburan sektor swasta dijangka kembali menunjukkan pertumbuhan positif disebabkan oleh jangkaan pemulihan kedudukan kewangan syarikat-syarikat berikutan perubahan struktur yang dilaksanakan semenjak krisis, peluang perniagaan yang muncul di sektor-sektor tertentu, serta persekitaran perniagaan yang semakin baik. Oleh itu, teras utama Bajet tahun 2003 adalah untuk menyediakan persekitaran yang bersesuaian dan insentif bagi membangunkan semula sektor swasta untuk kembali memainkan peranannya sebagai penggerak utama pertumbuhan ekonomi. Justeru, dasar-dasar yang terkandung di dalam Bajet tertumpu kepada peningkatan insentif-insentif sokongan untuk menggalakkan perusahaan sektor swasta, terutamanya dalam bidang-bidang pertumbuhan baru.

Pada masa yang sama, dengan mengenalpasti keperluan sektor awam untuk menyatukan kewangannya dalam jangkamasa sederhana, Bajet juga telah tertumpu kepada pengukuhan kewangan sektor awam. Dengan jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat pada kadar sederhana pada tahun 2003 dalam suasana pertumbuhan hasil yang bertahan, defisit fiskal pada tahun 2003 dijangka meningkat kepada 4% daripada KDNK, selepas mengambil kira potensi kehilangan hasil bersih disebabkan perubahan-perubahan cukai yang diperkenalkan dalam Bajet 2003. Jumlah perbelanjaan operasi dan pembangunan (tidak termasuk rizab luar jangka) dianggarkan berjumlah sebanyak RM106.7 bilion, iaitu 4.6% lebih tinggi daripada anggaran perbelanjaan pada tahun 2002 sebanyak RM102 bilion. Akaun semasa dijangka terus mencatatkan lebihan yang besar, sementara perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan dianggarkan menurun berikutan dasar pengekangan fiskal yang diamalkan.

Dari segi peruntukan bajet, keutamaan diberikan kepada peningkatan kualiti pendidikan dan kemahiran tenaga buruh. Keutamaan turut diberikan kepada program-program pembangunan luar bandar dengan tumpuan ke atas golongan miskin dan kurang upaya untuk terus meningkatkan kualiti kehidupan kesemua golongan masyarakat.

Pada tahun 2003, Kerajaan akan terus bergantung kepada sumber-sumber dalam negeri untuk membiayai defisit fiskal. Terbitan-terbitan sekuriti kerajaan akan dibuat dari semasa ke semasa bagi mendapatkan dana daripada simpanan swasta, di samping menyediakan penanda aras keluk kadar hasil yang reflektif untuk pasaran bon. Usaha untuk menggalakkan pembangunan pasaran sekuriti hutang swasta (PDS) yang aktif dan meningkat, kekal sebagai objektif Kerajaan. Dengan kadar simpanan dalam negeri yang tinggi dan keadaan mudah tunai yang mencukupi, pergantungan terhadap pinjaman luar negara akan ditentukan terutamanya oleh keperluan untuk memperkukuhkan kehadiran di pasaran antarabangsa dan membentuk penanda aras terbitan-terbitan sektor swasta.

Di samping mengukuhkan kewangan awam, satu teras penting Bajet 2003 meliputi peningkatan keutamaan yang diberikan ke atas kecekapan perkhidmatan awam serta keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan negara. Dalam hal ini, Kerajaan kekal komited untuk mempertimbangkan semula semua peraturan dan prosedur untuk mengurangkan dan menghapuskan kelewatan birokrasi. Bajet 2003 mengandungi langkah-langkah untuk memudahkan, dan seterusnya mempiawaikan prosedur dan peraturan-peraturan kastam untuk mempercepatkan pergerakan barang.

Untuk perancangan dan penganggaran yang lebih berkesan, Bajet 2002 telah mengumumkan pelaksanaan Bajet dua-tahun bagi memberi masa yang lebih panjang kepada agensi-agensi pelaksana untuk merancang dan melaksanakan projek. Oleh itu, satu peruntukan khas sebanyak RM1 bilion telah disediakan kepada pelbagai kementerian untuk memulakan pelan dan kerja-kerja awal pada tahun 2003 agar pelaksanaan fizikal dapat dijalankan pada tahun 2004. Semua agensi Kerajaan yang terlibat dalam pelaksanaan projek sektor awam adalah diarah meningkatkan usaha ke arah mempercepatkan proses pelaksanaan. Bagi membantu usaha-usaha di peringkat Pusat, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan turut digalak untuk memainkan peranan mereka dalam memudah serta mempercepatkan proses pengambilalihan tapak-tapak projek di samping mempercepatkan pelulusan lesen dan pelan perancangan.

Langkah-langkah pencukaian dan program-program perbelanjaan Bajet 2003 turut menekankan sokongan terhadap aktiviti perniagaan dan industri bagi menjana pertumbuhan yang lebih tinggi. Insentif untuk sektor perkilangan termasuklah penurunan cukai korporat bagi perniagaan kecil dan sederhana daripada 28% kepada 20% bagi pendapatan bercukai sehingga RM100,000 dan insentif cukai kepada pengilang mesin dan peralatan automatik bagi mendorong aktiviti bernilai tinggi dalam sektor perkilangan. Pada masa yang sama, satu pilihan telah diperkenalkan kepada para pemegang status perintis untuk layak mendapat elaun pelaburan semula sekiranya Status Perintis mereka diserahkan untuk pembatalan. Bagi sektor pertanian, pelbagai insentif telah diperkenalkan untuk menyatukan perniagaan kecil, penanaman pokok getah, penangkapan ikan laut dalam, pemprosesan makanan dan pemodenan ladang ternakan.

Bajet tahun 2003 turut mengandungi pelbagai langkah cukai untuk menurunkan kos perniagaan bagi para pengeksport barangan dan perkhidmatan profesional. Di samping penyeragaman prosedur kastam untuk mempercepatkan pergerakan barangan, langkah-langkah lain yang berkaitan termasuklah menurunkan cukai pegangan untuk perkhidmatan yang diberikan oleh bukan pemastautin, menghapuskan cukai import dan cukai jualan ke atas kertas berkualiti dan pengecualian cukai perkhidmatan untuk eksport perkhidmatan penghantaran dan perkhidmatan profesional yang diberi kepada syarikat-syarikat dalam kumpulan yang sama. Untuk meningkatkan kedudukan Malaysia dalam rantaian nilai dan untuk menarik pelaburan langsung asing (FDI) dalam aktiviti berteraskan pengetahuan dan ditambah nilai yang lebih tinggi, insentif-insentif cukai diberikan untuk penubuhan ibu pejabat operasi, pusat pengagihan serantau dan pusat perolehan antarabangsa.

Walaupun persekitaran luar negara telah menjadi kurang menggalakkan semenjak pengumuman Bajet tahun 2003, pemulihan global dijangka akan berterusan, tetapi pada kadar yang lebih sederhana berbanding jangkaan sebelumnya. Bajet tahun 2003 yang mengembang kekal relevan, dan insentif serta peruntukan perbelanjaan akan membantu pemulihan sektor swasta. Kemajuan yang telah dicapai dalam penstrukturan semula dan reformasi, dasar monetari yang akomodatif di samping kadar faedah yang rendah dan stabil serta insentif fiskal yang baru akan terus menyediakan persekitaran yang positif bagi inisiatif sektor swasta untuk bergerak maju dan memperkembangkan perniagaan.

DASAR SEKTOR PERBANKAN PADA TAHUN 2003

Dalam persekitaran ekonomi global yang tidak menentu dan tekanan persaingan yang semakin meningkat, tumpuan dasar pada tahun 2003 adalah kepada usaha mengekalkan daya tahan dan kestabilan sektor perbankan di samping mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan institusi perbankan dalam menjalankan fungsi perantaraan dan menyumbang secara positif kepada pertumbuhan ekonomi. Penekanan juga akan terus diberi ke arah memastikan objektif yang terkandung dalam fasa pertama Pelan Induk Sektor Kewangan tercapai, termasuklah menyediakan infrastruktur kewangan yang diperlukan. Usaha-usaha yang dilancarkan pada tahun 2002 untuk mengukuhkan rangka kerja perlindungan pengguna akan diteruskan pada tahun 2003.

Inisiatif yang diambil pada tahun 2003 akan terus tertumpu kepada usaha meningkatkan kapasiti institusi perbankan, selaras dengan tumpuan dasar pada tahun 2002. Program tanda aras yang sedang dilaksanakan akan diperluas untuk merangkumi mutu perkhidmatan pelanggan dan mengasaskan pembentukan sebuah indeks kualiti perkhidmatan untuk institusi perbankan. Persekitaran bagi menggalakkan penggabungan di antara bank perdagangan dan syarikat kewangan akan diwujudkan. Sehubungan dengan ini, Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 (ABIK) akan dipinda pada tahun 2003 untuk merasionalisasikan keperluan yang diwajibkan ke atas bank perdagangan dan syarikat kewangan serta bagi memudahkan penggabungan. Di samping itu, rangka kerja pengawalseliaan dan pengawasan untuk bank pelaburan akan disiapkan pada tahun 2003. Bank pelaburan yang akan dibentuk hasil daripada penggabungan di antara bank saudagar, syarikat broker saham dan syarikat diskaun kelak akan dikawal selia secara bersama oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti. Turut akan digubal ialah rangka kerja formal pengawalseliaan dan pengawasan peringkat pertama bagi konglomerat kewangan yang menggariskan keperluan-keperluan berhemat untuk mengekalkan kekukuhan kedudukan kewangan mereka. Usaha ini akan dilengkapi dengan program penyahkawalseliaan secara berperingkat terhadap dasar-dasar tertentu bagi memberi kefleksibelan kepada institusi perbankan untuk memperkenalkan produk baru bagi menggantikan keperluan pralulus ke atas produk yang sedia ada.

Inisiatif akan terus diambil untuk mempertingkatkan akses kepada pembiayaan bagi semua segmen ekonomi. Ini termasuk, di antaranya, usaha mengukuhkan infrastruktur yang sedia ada dan mengatur rancangan bagi menambah akses pembiayaan untuk sektor PKS dan perusahaan mikro. Khususnya, program pembiayaan mikro yang sedia ada akan diperkukuhkan dan satu program baru akan diperkenalkan. Selaras dengan objektif untuk menggalakkan aktivisme pengguna bagi meningkatkan kecekapan dalam sektor perbankan, usaha akan diambil untuk membangunkan satu rangka kerja perlindungan pengguna yang cekap dan berorientasikan pasaran pada tahun 2003. Pelancaran program pendidikan pengguna pada awal tahun ini akan disokong oleh beberapa strategi yang komprehensif bagi menghasilkan satu rangka kerja perlindungan pengguna yang mampu mencapai matlamatnya dengan berkesan. Ini termasuklah peningkatan ketelusan produk yang ditawarkan oleh institusi perbankan, peluasan Biro Pengantaraan Perbankan, pembangunan peraturan antipakat dan penubuhan dana insurans deposit.

Laporan Rangka Kerja Pembangunan PKS

Untuk mencapai matlamat agenda ekonomi negara dalam membina sebuah negara yang berdaya tahan dan berdaya saing, kerajaan sedang menumpukan usaha bagi menggalakkan pertumbuhan dalaman negara dengan memperkukuhkan industri domestik dan membangunkan keupayaan tersendiri. Sektor swasta, terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (PKS), merupakan segmen penting dalam proses pertumbuhan ekonomi negara. Di negara-negara seperti Jepun, China Taipei, Jerman dan Korea, industri PKS merupakan tulang belakang ekonomi negara tersebut, di mana lebih 98% daripada jumlah pertubuhan adalah terdiri daripada PKS dan memberi sumbangan yang ketara kepada KDNK serta sektor pekerjaan seperti yang tercatat di dalam jadual di bawah.

Jadual 1
Statistik Terpilih Industri PKS

% PKS daripada	Jepun	China Taipei	Jerman	Korea	Malaysia
	%				
Jumlah pertubuhan	99.7	98.1	99.0	99.2	92.0[1]
Jumlah pekerjaan	69.5	78.1	69.7	75.3	33.3[2]
KDNK (KNK untuk Jerman)	55.3	t.d.	57.0	16.0[1]	6.0[1]

[1] Berdasarkan kepada PKS di dalam sektor perkilangan sahaja.(Sumber untuk angka Malaysia: SMIDEC pada 31 Disember 2001).
[2] Berdasarkan kepada PKS di dalam sektor perkilangan sahaja.(Sumber: Laporan Produktiviti Kebangsaan Tahun 2001).
t.d. Tidak diperolehi.

Menyedari betapa pentingnya peranan dan potensi PKS sebagai daya penggerak bagi menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi, Bank Negara Malaysia telah menjalankan satu kaji selidik ke atas PKS, melalui institusi-institusi kewangan dan dewan-dewan perniagaan pada bulan November 2001 untuk menilai tahap pembangunan PKS tempatan dan mengenal pasti isu-isu penting dan juga masalah yang mempengaruhi pembangunan mereka. Hasil kaji selidik daripada 7,705 responden dan kajian ke atas pengalaman negara Jepun, Negeri Thai, China Taipei dan Jerman dalam pembangunan industri PKS mereka, telah dijadikan asas bagi laporan "*A Comprehensive Framework for the Development of Small and Medium Enterprises in Malaysia*".

Penemuan kaji selidik PKS

Penemuan kaji selidik tersebut menunjukkan secara umumnya, potensi PKS di Malaysia untuk bersaing dan menyumbang secara efektif kepada ekonomi telah dipengaruhi oleh skalanya yang kecil, tahap kecekapan yang rendah dan kekurangan kelebihan perbandingan. Isu-isu penting yang turut menjejaskan daya maju PKS termasuklah akses kepada khidmat nasihat dan kemudahan pembiayaan juga dikemukakan di dalam laporan berkenaan. Penemuan utama kaji selidik berkenaan adalah:-

Graf 1
Pengagihan PKS mengikut Sektor Ekonomi



- Sebahagian besar PKS terlibat dalam sektor perdagangan, perkilangan dan perkhidmatan.
- Lapan puluh lapan peratus PKS merupakan perniagaan milik keluarga dengan 72% beroperasi sebagai syarikat sendirian berhad. Pemilikan asing dalam PKS adalah kecil dengan penyertaan kurang daripada 15%, sementara 26% PKS yang dikaji dimiliki oleh syarikat Bumiputera.
- Secara amnya, PKS adalah kecil dengan 77% mempunyai jumlah asset kurang daripada RM5 juta dan 74% mempunyai pekerja kurang daripada 50 orang.
- PKS juga pada amnya telah terjejas akibat kelembapan ekonomi pada tahun 2001. Dua puluh sembilan peratus PKS yang dikaji tidak mampu membayar pinjaman, sementara 33% hanya mendapat pulangan modal atau mengalami kerugian. Tujuh puluh peratus daripada responden menjana jumlah jualan kurang daripada RM10 juta dengan 50% melaporkan jumlah jualan kurang daripada RM6 juta, sementara hanya 8% PKS mengeksport produk mereka.
- Enam puluh dua peratus responden menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai masalah mendapatkan pembiayaan. Empat puluh tujuh peratus membiayai operasi syarikat melalui peminjaman daripada institusi perbankan, 32% melalui pembiayaan sendiri sementara 11% mendapat pembiayaan melalui sumber-sumber lain.
- Secara amnya, kaji selidik tersebut menunjukkan pelaburan dalam teknologi dan penggunaan komputer oleh PKS masih rendah. Empat puluh lima peratus PKS masih berbentuk intensif pekerja dan 48% mempunyai tahap penggunaan komputer yang rendah.
- Hanya 57% PKS menyediakan latihan kepada pekerja di mana sebahagian besarnya terdiri daripada latihan teknikal asas. Daripada jumlah syarikat yang menyediakan latihan, hanya 47% memberi latihan dalam bidang pengurusan dan perniagaan.
- PKS yang dikaji menyatakan bahawa di antara bidang di mana bantuan boleh dimanfaatkan ialah khidmat nasihat dalam pemasaran, pentadbiran perniagaan dan pengurusan, teknologi maklumat, dan perakaunan dan kewangan untuk memperbaiki kedudukan mereka. Lima puluh dua peratus menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai akses kepada khidmat nasihat sementara 14% bergantung kepada khidmat nasihat daripada agensi Kerajaan.
- Dalam pemasaran produk mereka, 60% PKS bergantung kepada usaha sendiri sementara 21% mengambil bahagian dalam pameran perdagangan dan 7% melalui syarikat perdagangan.

Rangka kerja pembangunan PKS yang dicadangkan mengandungi strategi yang menyeluruh dan bertujuan untuk memperkukuhkan infrastruktur yang diperlukan dalam pembangunan PKS, mempertingkatkan keupayaan PKS domestik dan memperbaiki akses kepada pembiayaan. Lebih khususnya, saranan-saranan tersebut bertujuan untuk mewujudkan infrastruktur yang diperlukan untuk pembinaan institusi dan keupayaan PKS. Ini akan diikuti dengan pembangunan PKS melalui peningkatan keupayaan mereka untuk bersaing menerusi pengeluaran produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi, di samping melengkapkan PKS dengan pengurusan yang baik, kemahiran kewangan dan strategi pemasaran yang kukuh. Berdasarkan banyaknya PKS yang terbabit dalam keseluruhan proses pembangunan, usaha-usaha oleh pihak yang terlibat dalam pembangunan PKS perlu diselaraskan. Matlamat utama ialah untuk meningkatkan keupayaan PKS supaya dapat menyertai dan menyumbang dengan lebih efektif kepada pembangunan ekonomi dan proses pertumbuhan negara.

Memperkukuhkan Infrastruktur untuk Pembangunan PKS

Beberapa inisiatif telah diambil ke arah mempertingkatkan infrastruktur sedia ada untuk pembangunan PKS.

- Mengkaji semula peranan dan tanggungjawab Kementerian dan agensi yang terlibat dalam pembangunan PKS bagi memastikan penggunaan sumber kerajaan yang lebih cekap dan efektif serta meningkatkan koordinasi usaha-usaha tersebut.
- Penggubalan undang-undang PKS untuk menyelaraskan usaha pembangunan PKS. Ianya dijangka dapat menyediakan asas yang lebih menyeluruh dan bersepadu untuk pembangunan PKS.
- Penubuhan Majlis Tertinggi PKS sebagai badan yang menggubal polisi untuk merancang hala tuju dan strategi pembangunan PKS.
- Penubuhan agensi pusat PKS sebagai badan penyelaras dalam pembangunan PKS. Agensi PKS ini akan memastikan keputusan polisi Majlis Tertinggi PKS diterjemahkan kepada pelan tindakan untuk

perlaksanaan. Agensi tersebut juga akan menyelaraskan pembangunan PKS di semua sektor ekonomi dan memantau pencapaian industri PKS secara keseluruhan. Agensi tersebut akan berfungsi sebagai sumber pemusatan maklumat dan menyediakan kemudahan khidmat nasihat dan perundingan kepada PKS.

Membina Kapasiti PKS Domestik

Antara usaha-usaha berkaitan dengan pembangunan keupayaan serta kapasiti PKS domestik termasuk:-

- Penubuhan institut latihan pusat yang menyediakan program latihan yang terancang, menyeluruh dan memandang ke hadapan untuk PKS. Inisiatif ini bertujuan untuk membolehkan PKS daripada semua sektor ekonomi mendapat akses kepada program latihan yang menyeluruh dan meningkatkan kesedaran di kalangan PKS tentang kepentingan latihan yang berterusan.
- Penubuhan pusat maklumat dan khidmat nasihat di dalam Agensi PKS untuk mengumpul maklumat tentang PKS dan diagnostik perniagaan. Dengan ini, PKS akan mendapat akses kepada maklumat perniagaan yang relevan dan khidmat nasihat melalui pusat tersebut.
- Mempromosi sistem pendidikan yang menyemai semangat keusahawanan serta merangsang semangat tersebut di kalangan generasi muda. Ini telah dijalankan dengan jayanya melalui sistem pendidikan di Jerman di mana sistem dwi pendidikan telah memperlengkapkan para lepasan sekolah dengan kemahiran teknikal dan keusahawanan yang diperlukan untuk memulakan perniagaan mereka sendiri.
- Menggalakkan akreditasi kualiti ke atas produk bagi meningkatkan keupayaan PKS untuk memasarkan produk mereka, bersaing dengan pengusaha yang lebih besar dan mengeksport produk mereka ke pasaran antarabangsa. Usaha pembangunan akan ditumpukan ke arah pembangunan jenama, mempaten produk dan perlindungan harta intelektual.

Meningkatkan Akses Kepada Pembiayaan

Usaha-usaha untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan oleh PKS termasuklah:-

- Memperkukuhkan mekanisme yang sedia ada bagi meningkatkan penyertaan institusi perbankan dalam menyediakan pembiayaan dan khidmat nasihat kepada PKS. Untuk mencapai tujuan ini, Bank Negara Malaysia dan institusi perbankan telah mengambil beberapa langkah dan inisiatif untuk menangani isu keperluan pembangunan dan pembiayaan PKS. Ini termasuk penubuhan ERF Sdn. Bhd., penyediaan tabung-tabung khas, pengeluaran garis panduan pinjaman kepada PKS, penubuhan Unit Aduan dan Pengawasan Pinjaman di Bank Negara Malaysia dan suntikan modal berjumlah RM1 bilion ke dalam *Credit Guarantee Corporation*. Untuk melengkapkan inisiatif-inisiatif tersebut, institusi perbankan juga telah mengambil beberapa langkah untuk membantu PKS, seperti menubuhkan Unit-unit Pembangunan Bumiputera dan Unit-unit PKS yang menumpukan perhatian untuk memenuhi keperluan pembiayaan dan penyediaan perkhidmatan tambahan kepada PKS dan usahawan Bumiputera.
- Institusi-institusi kewangan pembangunan akan melengkapkan peranan institusi perbankan dalam menyediakan pembiayaan mezanin and perkhidmatan sampingan kepada PKS.
- Mempercepatkan pembangunan industri modal teroka sebagai sumber dana alternatif untuk pembiayaan perniagaan baru dan pembiayaan berbentuk ekuiti.
- Merasionalisasi dan menyatukan pelbagai dana Kerajaan untuk pembiayaan aktiviti-aktiviti PKS.
- Meningkatkan skim jaminan kredit oleh *Credit Guarantee Corporation*.

Sebuah Jawatankuasa Pemandu PKS telah ditubuhkan pada Oktober 2002 untuk menerajui inisiatif–inisiatif ini. Jawatankuasa Pemandu ini akan membantu proses mewujudkan persekitaran yang membolehkan pembangunan PKS yang menyeluruh dan bersepadu melibatkan semua sektor ekonomi. Pengerusi Jawatankuasa Pemandu ini ialah Gabenor Bank Negara Malaysia dan ahli-ahli yang dilantik terdiri daripada Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Ketua Setiausaha Kementerian-Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna, Pembangunan Usahawan, Pertanian, Sumber Manusia, dan Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) dan *Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.*. Kerjasama dan usahasama yang berterusan di antara Kementerian-kementerian dan agensi-agensi akan menjana sinergi dalam infrastruktur pembangunan PKS.